

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"ALHAMDULILLAH, kita di negara ini sudah pun mempunyai dasar perkhidmatan penjagaan kesihatan secara komprehensif dan menyeluruh, yang berkonsepkan 'universal health coverage'."  
- Titah Sempena Majlis Ilmu 2012.



Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK  
5.03 5.13 6.35 6.59 12.33 3.54 6.28 7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 10

22 JANUARI 2020 / 1441 26 جمادى الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

## Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Rosita binti Ismail.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap perpisahan isteri Pesuruhjaya Tinggi

Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Rosita binti Ismail, isteri Allahyarham Tuan Yang Terutama Ismail bin Haji Salam. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

## Tidak dikehendaki dalam jawatan

Siaran Akhbar :  
Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurnikan titah perintah bahawa perkhidmatan Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti C.A. Mohamed tidak lagi dikehendaki dalam jawatan Timbalan Menteri di JPM mahupun sebagai Pengarah Biro Mencegah Rasuah.

Tarikh berkuat kuasa titah perintah mulai Sabtu, 22 Jamadilawal 1441 bersamaan 18 Januari 2020.

## Ketengahkan permasalahan penduduk kampung

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Selasa, 21 Januari. – Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Berakas 'B' anjuran Jabatan Penerangan pagi tadi membincangkan sebanyak 30 isu yang telah dipersetujui pilihannya bersama dengan Penghulu dan Ketua-ketua Kampung.

Antara isu yang dikenal pasti termasuklah isu-isu berkaitan prasarana, kemudahan awam, kebajikan, alam sekitar, sosial, keselamatan, ekonomi dan lain-lain.

Seramai 13 pegawai dari agensi-agensi kerajaan juga hadir pada program tersebut bagi memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Penghulu dan Ketua-ketua Kampung.

Hadir sama menyertai PMP yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan Jalan 77 RPN Kampung Lambak Kanan tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, juga

selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dalam ucapannya menggalakkan kita sebagai rakyat untuk sentiasa bersyukur dengan adanya kemudahan infrastruktur bagi kesejahteraan rakyat.

Selain itu, beliau turut menyarankan agar setiap ahli masyarakat di peringkat Mukim dan Kampung mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan memastikan keamanan dan keharmonian dengan mematuhi dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan.

"Apa yang diharapkan oleh jabatan ialah program ini akan dapat menjadi pemudah cara bagi penyampaian maklumat dan buah fikiran di antara masyarakat dan agensi-agensi kerajaan sekali gus merapatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat," terangnya.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam  
 infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



MINGGU Myanmar jalin hubungan dua hala

Muka 5



MAKANAN sihat tepati cita rasa orang ramai

Muka 6



368 pelajar baharu ikuti Minggu Ta'aruf

Muka 12



LAWATAN ke People's Daily

Muka 22

# Industri maritim, pelabuhan terus relevan dalam era digital

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

**P**ERTAMA, saya mengucapkan tahniah kepada Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) kerana menganjurkan Forum dan Pameran sulung hari ini untuk memperingati Hari Maritim Sedunia tahun ini.

Saya ingin memulakan dengan petikan tatah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 2017, di mana baginda menyeru bagi penubuhan MPABD untuk membangunkan persekitaran yang kondusif bagi kemajuan perkapalan dan logistik untuk memenuhi keperluan import dan eksport negara.

Dengan itu, saya dengan sukacitanya berkongsi beberapa pencapaian utama yang dicapai oleh MPABD yang termasuk antara lain seperti berikut :

(a) Pertama, kesimpulan Perjanjian Pembelian Aset dan Perjanjian Sewa Tanah dengan Muara Port Company Private Limited.

(b) Kedua, pengeluaran Lesen untuk Beroperasi (LTO) kepada Muara Port Company Private Limited sebagai pengendali pelabuhan.

(c) Ketiga, kebenaran Syarikat Classic Reliance Bureau sebagai badan kelas domestik bertanggungjawab bagi pemeriksaan dan pengkajian kapal berdaftar domestik untuk memastikan, memenuhi dan mematuhi standard keselamatan.

(d) Keempat dan terakhir, pengeluaran Lesen Awam untuk pendaftaran semua ejen perkapalan, penghantaran barang, penyedia perkhidmatan pengangkutan dan pengangkutan untuk semua pelabuhan di Negara Brunei Darussalam.

MPABD telah memasuki tahun penubuhannya yang kedua dan saya harus mengatakan, ia adalah pada masa yang penting. Badan berkanun ini masih bergerak maju untuk berfungsi sepenuhnya bukan sahaja sebagai pengawal maritim dan pelabuhan tetapi juga berfungsi sebagai penganjur dan fasilitator industri maritim tempatan.

Oleh itu, adalah tepat pada masanya, untuk MPABD memainkan peranan penting dalam mengubah industri maritim dan pelabuhan kita melalui polisi pembangunan inovasi supaya industri ini untuk kekal berdaya saing, terus relevan dan mampu dalam era digital.

Baru seminggu lalu, saya telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam forum dasar meja bulat pada Sistem Pengangkutan Pintar Kongres Dunia (ITS) Ke-26 yang diadakan di Republik Singapura. Salah satu topik yang



**MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dalam ucaptama pada Majlis Perasmian Forum dan Pameran sempena Sambutan Hari Maritim Sedunia 2019 pada Selasa, 1 Rabiulawal 1441 Hijrah / 29 Oktober 2019 Masihi / di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.**

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman Haji Othman

dibahaskan adalah cabaran dalam persediaan untuk Revolusi Perindustrian Ke-4 (IR 4.0). Trend yang didorong teknologi mengambil tempat dengan pesat dalam sektor pengangkutan dan logistik.

Penggunaan pelbagai aplikasi teknologi baharu seperti IoT dan masa depan yang tidak begitu jauh, 5G dan AI dalam sektor pengangkutan maritim, kini sedang diuji dan dipandu di rantau Asia. Terminal pelabuhan automatik sepenuhnya, dermaga automatik dan kenderaan elektrik berpandu automatik adalah antara contoh kes penggunaan, yang sedang dijalankan oleh negara-negara jiran di rantau ini.

Saya amat menggalakkan MPABD untuk mengesahkan contoh-contoh amalan terbaik dalam membangunkan sektor maritim dan pelabuhan kita dengan menyediakan perkhidmatan kelas dunia yang lebih mampu, boleh dipercayai dan cekap.

## RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
<b>PERAK BANGAR</b>		
33 °C	33 °C	33 °C
24 °C	24 °C	24 °C
<b>PEKAN TUTONG</b>		
33 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
<b>KUALA BELAIT</b>		
33 °C	32 °C	33 °C
25 °C	24 °C	25 °C

Wallahu al-haqqi wa la illah ha illa huwa  
Jabatan Kajivaca Brunei Darussalam  
www.mmt.gov.bn

114

Brunei WX App

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC  
2380214

## Dari Sidang Pengarang.

22 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادى الاول

### BERHATI-HATI, SENTIASA BERFIKIR JIKA HENDAK MENYEBARLUKAN MAKLUMAT

**L**IDAH merupakan anggota yang lembut bagaimanapun sangat berbisa. Sering juga kita mendengar peribahasa "...kerana mulut badan binas..." di mana ini juga melambangkan betapa kritisalnya apa yang dilafazkan. Di samping lidah, keadaan mungkin saja akan bertambah rumit dengan ada bantuan anggota lain seperti tangan.

Dunia sekarang sudah canggih terutama dengan kemajuan teknologi di mana perkataan atau ayat mudah saja untuk dihantar dengan bukan sahaja menggunakan mulut malahan juga dengan menggunakan tangan seperti menghantar teks melalui telefon pintar, dihantar ke media-media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram dan lain-lain.

Justeru, perbuatan jahat ini walaupun bukan secara lahiriah, malahan ia juga boleh dikaitkan secara simbolik terhadap tangan seperti perbuatan menzalimi orang lain, membuli, menindas, dan banyak lagi. Ia mudah sahaja untuk dilakukan dan penulisan-penulisan ini belum tahu akan kesahihannya, maka kita perlulah berhati-hati kerana mungkin sahaja penulisan itu adalah fitnah atau tidak benar.

Kita sering diingatkan untuk jangan sesuka hati menyebarkan maklumat yang belum pasti lagi akan kesahihannya. Malahan menyebarkan maklumat palsu juga merupakan satu kesalahan dari segi undang-undang iaitu menjadi satu kesalahan bagi menyebarkan maklumat palsu di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam (Public Order Act), Penggal 148.

Menyebarkan maklumat yang belum pasti akan kesahihannya boleh sahaja menimbulkan keadaan yang huru-hara, boleh menjatuhkan maruah, boleh memberi pengaruh kepada keputusan-keputusan yang hendak dibuat dan banyak lagi.

Dalam pada itu, jika sudah terbukti perkara tersebut tidak benar dan hendak dibetulkan atau dihapuskan bukanlah semudah yang disangka. Dalam zaman di mana penyebaran maklumat adalah sangat pantas dan meluas, ia bukan ibarat hanya hendak membuang ke dalam tong sampah, akan tetapi dalam alam maya virtual, kesan-kesan atau bekas-bekasnya sangat susah untuk dipadam lebih-lebih lagi dengan teknologi yang membolehkan maklumat disimpan dalam tempat yang mungkin terselindung (*hidden*).

Maka sebelum kita terlambat, berhati-hatilah dan sentiasa fikirkan jika maklumat yang hendak disampaikan dan diterima adalah betul. Di samping itu, pastikan juga niat kita untuk menghantar maklumat adalah untuk jalan kebaikan dan bukan sebaliknya.

Sepertimana kata-kata Imam al-Hasan al-Basri Rahimahullah : "Orang-orang yang baik adalah mereka yang tidak menyakiti walau semut-semut kecil sekalipun."

- Ketua Penyuntingan (Ss)

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	RABU	26	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	KHAMIS	27	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.28	7.41
24	JUMAAT	28	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	SABTU	29	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
26	AHAD	1 JAMADILAKHIR	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
27	ISNIN	2	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	SELASA	3	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

# Ketengahkan permasalahan penduduk kampung

**Dari muka 1**

Sementara itu, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon dalam ucapan balasnya melahirkan rasa syukur atas segala kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk memenuhi hasrat dan hajat pengguna.

Namun tambahnya, masih ada terdapat beberapa kekurangan yang perlu diambil perhatian oleh pihak tertentu memandangkan kekurangan itu mungkin terjadi akibat dari terlepas pandang, diambil ringan, kecuaian atau mungkin disebabkan terdapat kekangan atau masalah yang menyebabkan keperluan itu tidak dapat dipenuhi dengan segera.

"Maka dari permuzakarahan inilah penduduk mukim dapat mendengar sendiri penjelasan dan jawapan dari pihak-pihak berkenaan agar kita sama-sama faham akan kesulitan yang dihadapi oleh kedua-dua pihak," jelas Yang Berhormat.

Mukim Berakas 'B' berkembang pesat dan maju setanding dengan mukim-mukim yang lain dalam semua aspek, antaranya dalam aspek pendidikan terdapat sekolah vokasional, menengah dan beberapa buah sekolah rendah kerajaan dan swasta serta sekolah-sekolah ugama.

Dari aspek keugamaan, terdapat lima buah masjid di mukim berkenaan, dari aspek penjagaan kesihatan disediakan oleh pihak kerajaan iaitu Pusat Kesihatan

Berakas di RPN Kampung Lambak Kanan dan dari aspek keselamatan pula, terdapat Pos Kawalan Polis dan Pasukan Bomba dan Penyelamat.

Juga terdapat di mukim berkenaan, Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara yang mengetengahkan pelbagai aktiviti berbentuk riadah, kebajikan, sosial, sukan dan sebagainya bagi menggalakkan penuaan aktif (*active aging*).

Bermula 2015 hingga ke hari ini, Jabatan Penerangan telah melaksanakan PMP di sepuluh mukim di Negara Brunei Darussalam yang antara lain bertujuan sebagai platform untuk memberikan ruang kepada rakyat dan penduduk di mukim-mukim untuk mendengar jawapan bagi isu yang diterima melalui penghulu - penghulu dan ketua-ketua kampung.

Di samping itu, ia juga sebagai platform kepada agensi-agensi kerajaan untuk menyampaikan mesej-mesej atau mengemas kini maklumat-maklumat yang hendak disampaikan kepada para penduduk.

Menurut Awang Haji Abdullah bin Haji Suhaili mewakili Majlis Perundungan Kampung (MPK) Kawasan I, RPN Kampung Lambak Kanan dalam temu bualnya bersama Pelita Brunei sangat mengalukan program seumpama ini diadakan, malah merasa ia sangat berfaedah dan perlu diteruskan sampai bila-bila. Akan tetapi bagi beliau, masih



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (tengah) hadir pada Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Berakas 'B'.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

diambil atau dilaksanakan dari isu-isu yang dibangkitkan.

Malah untuk membina lagi acara sebegini di masa akan datang tambahnya, beliau mencadangkan agar pihak pengajur atau mana-mana pihak yang terlibat untuk memberikan peluang agar penduduk mukim dan kampung yang ikut sama hadir sesi muzakarah ini dapat menyuarakan idea atau pendapat mereka dengan lebih jelas lagi, bagi sama-sama membantu menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan.

"Dari apa yang diperdengarkan melalui muzakarah ini, kami turut mendapati ada sebilangan isu yang dibangkitkan secara berulang-ulang dan sudah pernah ditimbulkan atau diketengahkan, namun bagi pihak kami selaku

penduduk mukim dan kampung kadang-kadang tidak ada penyelesaian yang teratur dilaksanakan oleh pihak tertentu sehingga menyebabkan isu-isu yang dibangkitkan itu tergantung," terang beliau lagi.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan agar Penghulu dan Ketua Kampung lebih memainkan peranan mereka dengan turut mengadakan sesi muzakarah seperti seumpamanya ini agar penduduk mukim dan kampung dapat mengetengahkan lagi isu-isu tertentu untuk dijadikan perhatian dan dapat dibincangkan untuk tindakan pihak-pihak tertentu, dan dari PMP seterusnya dapat mendengar hasil atau tindakan yang dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.



**PEMANGKU Pengarah Penerangan (kanan) berucap pada PMP tersebut.**



**AWANG Haji Ahmad Besar bin Haji Salleh.**



**AWANG Haji Abdullah bin Haji Suhaili.**



**PENDUDUK Kampung Mukim Berakas 'B' yang menghadiri PMP anjuran Jabatan Penerangan (atas dan kanan).**



# Ringankan beban mangsa kebakaran



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BERAKAS**, Selasa, 21 Januari. - Sejumlah BND21,400 dihulurkan bagi Derma Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama.

Penyerahan derma daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Ong Tiong Oh dan Jackson Ting serta ahli-ahli Persatuan Fu Zhou Shiyyi dan Peniaga-peniaga itu berlangsung

**ANTARA** yang hadir pada Majlis Penyerahan Derma Tabung Amal Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama.

di Dewan Teater, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Derma tersebut diterima oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut dan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohammed Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku Pengerusi Bersama Tabung Amal berkenaan.

Dengan adanya derma tersebut, dihasrat akan dapat membantu meringankan beban mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Pengiran Bendahara Lama yang lalu.

## Pelajari keselamatan umum Life Saver 995

**TEMBURONG**, Selasa, 21 Januari. - Dalam usaha meningkatkan kesedaran kepada warga dan kakitangan Kementerian Pendidikan mengenai bahaya kebakaran, keselamatan mengenai cuaca yang tidak menentu, di samping memupuk rasa tanggungjawab dan mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan kebakaran di dalam bangunan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengadakan Taklimat Keselamatan Umum di Balai Bomba Bangar yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'G', Daerah Temburong.

Dengan taklimat tersebut, ia membolehkan interaksi, kerjasama dan menguatkan perhubungan di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan pihak Unit Kawalan Keselamatan, Kementerian Pendidikan.

Seramai 10 orang menghadiri taklimat tersebut yang turut menekankan mengenai keselamatan umum Life Saver 995 dan cara-cara menggunakan alat pemadam api yang betul mengikut jenis.

JBP juga menyediakan program-program keselamatan seperti Kursus Fire Marshal dan



**ANTARA** yang menghadiri taklimat tersebut yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'G', Daerah Temburong (atas dan bawah kanan).

**Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Operasi 'G'**

Taklimat Life Saver 995 bagi mengetahui langkah-langkah aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api khusus bagi jabatan-jabatan kerajaan, syarikat swasta, sekolah-sekolah, penduduk kampung dan Rancangan Perumahan Negara di negara ini.

JBP menyarankan orang ramai untuk sentiasa meningkatkan lagi kewaspadaan dan aspek keselamatan agar terhindar daripada perkara yang tidak diingini berlaku dan sekiranya berlaku sebarang kecemasan hendaklah menghubungi Talian Kecemasan Bomba menerusi talian 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.



## HALUAN

### Dari muka 2

Satu lagi komponen penting, yang membantu dalam membuat keputusan dan perancangan jangka panjang adalah data. Dalam sektor pengangkutan maritim, sejumlah besar data yang ada pada umumnya akan menyokong peluang baharu untuk meningkatkan operasi perkapalan, keselamatan, keselamatan dan logistik.

Tanpa data, kita tidak mungkin untuk mendapatkan penyelidikan dan pembangunan yang bermakna, substantif dan berguna serta kita tidak boleh membuat inovasi terhadap cara kita untuk melakukan sesuatu untuk menjadikannya lebih cekap, selamat dan efektif. - Tanpa data, bagaimanakah kita boleh merancang pertumbuhan masa depan kita?

Oleh itu, kita mesti mengambil bakat daripada semua peringkat, dari perniagaan

## Industri maritim, pelabuhan terus relevan dalam era digital

tempatan, institusi penyelidikan dan agensi Kerajaan, untuk bekerja bersama dan melengkapkan satu sama lain untuk memacu industri ke tahap yang lebih tinggi.

Ini membawa kita kepada tema yang dipilih oleh IMO tahun ini 'Memperkasa Wanita Dalam Komuniti Maritim'. Ia memberi peluang untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesaksamaan jantina, sejarah dengan Matlamat Pembangunan Mampan PBB dan untuk menonjolkan sumbangan penting wanita di seluruh dunia ke sektor maritim.

Menurut Setiausaha Agung IMO Encik Kitack Lim "... dengan generasi baharu wanita yang kuat dan berbakat ... membuktikan bahawa di dunia hari ini, industri maritim adalah untuk semua orang,

bukan tentang jantina awda, mengenai apa yang boleh awda lakukan."

Bagi industri berkembang dan ekonomi negara berkembang, kita perlu melibatkan semua bakat, semua sumber manusia, pada setiap peringkat. Di sinilah penglibatan dari semua pihak kepentingan dalam pendekatan Whole of Nation termasuk sektor swasta juga sangat penting.

Untuk mencapai industri perkapalan yang terkenal, cekap dan berdaya saing, pendekatan Whole of Nation sangat diperlukan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penceramah jemputan untuk masa mereka berada di sini dan untuk berkongsi pandangan awda dengan kami. Berbanyak

terima kasih juga kepada semua di sini atas kehadiran awda dan kesediaan untuk berkongsi idea dan sumbangan awda. Terima kasih atas penyertaan awda.

Saya berharap dapat melihat lebih banyak pertukaran dan sesi perkongsian dengan rakan kongsi industri dan rakan-rakan dalam masa terdekat kerana terus jurang dan cabaran untuk mendapatkan industri maritim yang selamat, lebih bijak, lebih kompetitif dan mampan untuk Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, doakan awda semua yang terbaik. Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Minggu Myanmar jalin hubungan dua hala



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa berucap.

**TUNGKU LINK,** Isnin, 20 Januari. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama U Htin Lynn berkata,

misinya dalam mempromosikan hubungan dua hala di antara NBD dan Republik Kesatuan Myanmar bermula dengan membina persefahaman dan persahabatan, bukan sahaja di antara pegawai kerajaan, tetapi juga bersama rakyat, individu dan institusi, termasuk bersama cerdik pandai dan ahli akademik.

Berucap semasa Majlis Pelancaran Minggu Myanmar di Simpur Herbal Café, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini, Tuan Yang Terutama U Htin Lynn, seterusnya menjelaskan, kerjasama di antara pihak Kedutaan Republik Kesatuan Myanmar di NBD dan UBD, bermula pada 17 September 2019 dengan sumbangan buku yang mencerminkan kesusasteraan, budaya, perjalanan, kebangsaan untuk perjuangan kemerdekaan dan sejarah kontemporari Myanmar.

Pelancaran Minggu Myanmar turut diselajurkan dengan Pelancaran Minggu Masakan Myanmar di Simpur Herbal Café, UBD dengan memperkenalkan hidangan masakan tradisional negara berkenaan kepada para pengunjung.

Hadir sama, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Beberapa aktiviti lain disusun semasa Minggu Myanmar yang diadakan bermula hari ini hingga 27 Januari 2020, antaranya Penyampaian Derma Berupa Pokok Anak Jati daripada Kedutaan Kesatuan Republik Myanmar kepada Pusat Penyelidikan Botanical UBD, di mana Pokok Jati ini banyak didapati di hutan-hutan Myanmar dan merupakan khazanah



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam menyerahkan buku kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke NBD.

negara.

Minggu Myanmar anjuran bersama UBD dan Kedutaan Republik Kesatuan Myanmar, juga akan diisikan dengan Ceramah pada 22 Januari 2020 di Inspiring Hall, UBD, dengan tajuk

'Myanmar Today', disampaikan oleh Tuan Yang Terutama bagi memperkenalkan sistem pendidikan dan latar belakang budaya negara itu kepada pelajar juga kakitangan UBD.

## Peserta Kursus Fire Marshal terima sijil



PEMANGKU Pengarah Bomba dan Penyelamat menyampaikan sijil kepada peserta.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan  
Penyelamat Cawangan  
Operasi 'A'

**GADONG,** Isnin, 20 Januari. - Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta Kursus Fire Marshal telah diadakan bertempat Gold Stone Ballroom, Tingkat 7, The Centrepoint Hotel, Gadong.

Seramai 38 peserta kursus yang terdiri daripada kakitangan Abdul Razak Holdings telah menerima sijil mereka setelah menghadiri Kursus Fire Marshal selama tiga hari iaitu pada 6 hingga 8 Januari lalu yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'A'.

Penyerahan sijil disampaikan oleh Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat yang juga selaku tetamu kehormat majlis, Awang Lim Hock Guan. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada

Pengurus Kakitangan dan Keselamatan iaitu Pengiran Haji Mansur bin Pengiran Haji Jaya serta diteruskan lagi dengan ucapan daripada tetamu kehormat.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat turut menyediakan program-program keselamatan kebakaran seperti Taklimat Life Saver 995 dan Kursus Fire Marshal bagi memberikan pengetahuan dan tatacara yang betul semasa menangani insiden kebakaran di tempat kerja mahupun di rumah.

Jabatan Bomba dan Penyelamat juga menasihatkan jika berlaku insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke Talian Kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan  
Penyelamat Cawangan  
Operasi 'B'



**BELAIT,** Selasa, 21 Januari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Operasi 'B', Daerah Belait telah mengarahkan tiga anggota bomba dari Balai Bomba Seria setelah menerima panggilan kecemasan berikutnya kemunculan seekor buaya berukuran 2 meter panjang berada di dalam tandas di luar rumah pemilik jenis banglo yang terletak di Jalan Badas Seria.

Gerakan kecemasan itu diketuai oleh ABKS 619 Awang Haji Hussin bin Haji Ahmad dengan menggunakan sebuah jentera. Ahli-ahli bomba bertindak dengan menangkap reptilia tersebut dengan menggunakan snare catcher.



SEEKOR buaya berukuran 2 meter panjang berada di dalam tandas (kiri). Sementara gambar atas, anggota bomba menggunakan peralatan snare catcher untuk menangkap reptilia tersebut.

Selepas sahaja tangkapan berjaya dilakukan, buaya tersebut diserahkan kepada pegawai dari Jabatan Perhutanan Bahagian Kehidupan Liar, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Tempat kejadian merupakan milik seorang penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan semasa kejadian, tidak ada kecederaan dilaporkan dan pemilik tidak berada di kawasan tandas tersebut.

Sehubungan itu, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat menyarankan penghuni rumah untuk memastikan persekitaran rumah sentiasa dalam keadaan bersih dan longkang dalam

keadaan kering (tidak semak dengan rumput liar).

Seterusnya, memastikan untuk sentiasa menutup pintu rumah, jendela sekiranya awda tidak berada di dalam rumah berkenaan bagi mengelakkan binatang-binatang liar seperti anjing, monyet, ular, buaya dan sebagainya daripada memasuki rumah awda.

Akhirnya sekali, jika awda memerlukan sebarang bantuan daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat serta sebarang insiden kecemasan, hendaklah berhubung terus ke Talian Kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

# Makanan sihat tepati cita rasa orang ramai



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan menyampaikan Sijil Restoran Sihat bagi Restoran Roots & Rack and Brew kepada pemiliknya, Dilys Chai (atas). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



GADONG, Selasa, 21 Januari. - Restoran Roots & Rack and Brew menawarkan pelbagai sajian sihat dengan membawa konsep Nourish Bowl bagi para pelanggan memilih sendiri hidangan kegemaran mereka.

Restoran berkenaan menyertai Program Restoran Sihat yang dikendalikan oleh Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan dengan tujuan untuk membantu meningkatkan pilihan makanan lebih sihat di negara ini.

ANTARA pilihan hidangan sihat di restoran berkenaan.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



menyediakan makanan sihat yang mudah dan berkualiti dengan harga berpatutan," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, walaupun mengetengahkan makanan yang berkhasiat namun beliau juga mementingkan cita rasa orang ramai dan menggunakan bahan berkualiti dengan penggunaan minyak zaitun untuk sayur-sayuran dan makanan berdasarkan protein.

"Pelanggan boleh memilih variasi sajian mereka sendiri dengan memilih makanan asas, protein, dua jenis sayuran, dua hidangan sampingan serta topping.

"Kami menyediakan pelbagai makanan asas untuk dipilih oleh pelanggan termasuk beras basmathi, beras cauliflower atau salad. Bagi makanan berdasarkan protein, kami menawarkan pilihan ikan salmon, ayam, bebola daging dan juga menu vegetarian seperti tofu, tempe dan falafel."

Sebagai peserta Program Restoran Sihat, Restoran Roots & Rack and Brew akan menerima sokongan dan bantuan daripada PPK dalam menghasilkan menu pilihan lebih sihat.

Kerjasama tersebut adalah penting untuk menyokong dan mempromosikan inisiatif makanan sihat di negara ini ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 dalam meningkatkan kualiti kehidupan.

## مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦراغن

Memperkenalkan  
**Aplikasi Mudah Alih  
Jabatan Penerangan**

**InfoDeptBN**

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**

# Kukuhkan semangat patriotik pelajar



**Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan**  
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

JERUDONG, Selasa, 21 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian

TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, Jerudong.

Taklimat Kenegaraan tersebut disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Hisyam bin

Idris.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara mengibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan lebih terperinci.

Program yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, Jerudong itu turut dihadiri oleh Pengetua Sekolah, Dayangku Hajah Nooramalatifah binti Pengiran Haji Ahmad, timbalan pengetua dan tenaga pengajar.

Seramai 163 pelajar menghadiri program tersebut yang bertujuan

untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi khususnya dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan.

Selain itu, program ini merupakan salah satu usaha yang berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan juga negara.

Para pelajar juga berpeluang untuk menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi tentang tatacara menaikkan bendera negara.

Bagi memeriahkan lagi program, para pelajar juga berpeluang untuk menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Pada akhir program, penyampaian hadiah diberikan kepada para pelajar yang telah berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



SEBAHAGIAN penuntut sekolah yang hadir (kiri dan kiri sekali).

## Penyerahan Sijil Masyarakat Berjasa



PEMANGKU Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'B', Jabatan Bomba dan Penyelamat, Daerah Kuala Belait menyerahkan Sijil Masyarakat Berjasa kepada Awang Haji Matasim bin Haji Bolhassan.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Operasi 'B'**

KUALA BELAIT, Selasa, 21 Januari. - Pemangku Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'B', Jabatan Bomba dan Penyelamat, Daerah Kuala Belait, Penguasa Kanan Awang Mohd Shazwan bin Suhanie telah menyerahkan Sijil Masyarakat Berjasa kepada seorang penduduk tempatan pada 16 Januari yang lalu, yang mana telah berjaya memadamkan kebakaran elektrik yang berlaku pada 4 Januari 2020, di alamat Lot 5234, Simpang 644-49-40-28, Kampung Sungai Kang, Lumut 1.

Tindakan pantas Awang Haji

Matasim bin Haji Bolhassan telah berjaya memadamkan kebakaran elektrik di 'Panel Board' dengan menggunakan sebiji alat pemadam api jenis Debu Kering 1.5kg sebelum kereta bomba dari Balai Bomba Spark sampai.

Jabatan Bomba dan Penyelamat turut menasihatkan agar sentiasa memastikan setiap pemakaian elektrik tidak mencapai tahap lebih bebanan, meletakkan benda-benda panas yang boleh menyebabkan kebakaran, sentiasa memastikan barang yang dinyalakan dalam keadaan selamat dan memastikan menutup suiz mana-mana

peralatan elektrik selepas menggunakan atau meninggalkannya dalam masa yang lama.

Seterusnya, memastikan pendawaian dalam keadaan baik serta membuat pemeriksaan dengan menggunakan syarikat yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan pastikan bangunan dilengkapi dengan peralatan-peralatan keselamatan seperti alat pemadam api, selimut api ataupun alat pengesan asap.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

**DARI MAHKAMAH**

## Tiga warga asing dihukum penjara

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Januari.- Tiga warganegara Malaysia dijatuhkan hukuman penjara bermula 20 Januari 2020 oleh Majistret Kamaliah Fadhilah binti Haji Ibrahim di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan.

Tertuduh pertama, Suriati binti Morsidi, 30 tahun dengan bilangan pasport K00365324 didakwa atas dua kesalahan iaitu di bawah Bab 6 (1)(c) Akta Imigresen Penggal 17 kerana masuk ke negara ini secara haram dan di bawah Bab 36 Akta Imigresen Penggal 17 kerana masuk semula ke negara ini setelah diusir secara sah.

Suriati binti Morsidi menerima hukuman empat bulan penjara dan denda BND800 bagi kesalahan pertama dan kesalahan kedua setahun penjara.

Sementara itu, Arshiela binti Abdullah, 19 tahun dijatuhkan hukuman tiga bulan penjara dan denda BND800 atas kesalahan di bawah Bab 6 (1)(c) Akta Imigresen Penggal 17 kerana masuk ke negara ini secara haram.

Manakala, Angeline Uchi, 22 tahun pula dijatuhkan hukuman tiga bulan penjara dan denda BND800.

Angeline Uchi didakwa atas kesalahan di bawah Bab 6 (1)(c) Akta Imigresen Penggal 17 kerana masuk ke negara ini secara haram.

Ketiga-tiganya ditangkap dalam Operasi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan iaitu OPS PUMPUNG 14/2020 pada 15 Januari 2020 iaitu semasa pemeriksaan di sebuah rumah di Kampung Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara.

Pendakwaan tertuduh-tertuduh dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Adi Yusra bin Haji Adanan.

# Memperkuuh penghayatan ajaran Islam



**DAYANG** Siti Norilham Nizah Ayu binti Haji Md. Zahari mengendalikan kursus bagi peserta perempuan.

**PULAI**, Selasa, 21 Januari. - Salah seorang peserta, Awang Haji Abdul Ghani bin Awang Haji Ibrahim menjelaskan bahawa Kursus Pengukuhan Islam Tashawwuf dapat meningkatkan lagi kefahaman dan pengetahuan yang sedia ada agar ia dapat diperaktikkan dan disalurkan ke dalam kehidupan sehari-hari selain dapat menghayati lagi ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Awang Haji Abdul Ghani yang ditemui Pelita Brunei di Pusat Da'wah Islamiah seterusnya menjelaskan bahawa Kursus Pengukuhan Islam Tashawwuf yang berlangsung selama tiga hari

**PARA** peserta yang menyertai Kursus Pengukuhan Islam Tashawwuf tersebut.

Berita dan Foto : Aimi Sani

bermula kelmarin adalah sangat bermanfaat dan beliau berharap agar ia akan dapat dilaratkan serta diikuti oleh semua pegawai dan kakitangan kerajaan yang lainnya.

Perkara yang sama turut diperakui oleh Awang Mohd Hanif bin Mohd. Noor dari Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Menurut beliau, walaupun kursus ini pernah dipelajari sewaktu sekolah agama dahulu namun ia sangat berguna bagi mengulang kaji kembali pengetahuan agama yang sedia ada dan mengaplikasikannya ke dalam kehidupan seharian.

Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Kursus) telah mengendalikan Kursus Pengukuhan Islam Tashawwuf selama tiga hari bertempat di Bilik Mau'izhah, Bangunan Darul Huda bagi peserta perempuan dan Bilik Kuliah Utama bagi peserta lelaki

bertempat di PDI, Pulaie, di sini.

Kursus ini merupakan salah satu rancangan tahunan, Bahagian Penyebaran Da'wah (Kursus), PDI di mana penyertaannya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan B2 ke bawah yang telah dicalonkan oleh setiap kementerian di Negara Brunei Darussalam.

Kursus yang disertai oleh seramai 57 peserta itu bertujuan untuk memberikan kefahaman dan meningkatkan lagi pengetahuan agama khusus dalam Ilmu Tashawwuf dan memperkuuhkan lagi pengetahuan dari segi kerohanian untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.

Antara pengisian kursus tersebut ialah pengertian Tashawwuf; hukum, tujuan dan manfaat mempelajari ilmu Tashawwuf, peranan hati, jenis-jenis maksiat, gejala-gejala penyakit rohani,



**ANTARA** peserta yang mengikuti Kursus Pengukuhan Islam Tashawwuf selama tiga hari bertempat di Bilik Mau'izhah, Bangunan Darul Huda bagi peserta perempuan.

panduan mengenal Tarekat Tashawwuf dan sebagainya.

Bagi lelaki, kursus telah disampaikan oleh Awang Haji

Imaharan bin Haji Metali dan bagi perempuan pula disampaikan oleh Dayang Siti Norilham Nizah Ayu binti Haji Mohd Zahari.



**AWANG** Haji Abdul Ghani bin Awang Haji Ibrahim dari Kementerian Kesihatan.



**AWANG** Mohd. Hanif bin Mohd. Noor dari Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.

## Penghargaan kepada mantan Pegawai Bomba



**TIMBALAN** Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'C', Penguasa Bomba dan Penyelamat menyerahkan Sijil Masyarakat Berjasa kepada mantan Pegawai Bomba, Budin bin Haji Salleh di atas kerjasama beliau memadamkan kebakaran yang menimpa sebuah rumah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Januari. - Timbalan Pegawai Pemerintah Cawangan

Operasi 'C', Penguasa Bomba dan Penyelamat, Haji Mustapa bin Haji Mohamad bersama Pegawai dan

Anggota Cawangan Operasi 'C' baru-baru ini menyerahkan Sijil Masyarakat Berjasa kepada

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
**Jabatan Bomba dan Penyelamat Cawangan Operasi 'C'**

mantan Pegawai Bomba, Budin bin Haji Salleh di atas kerjasama memadamkan kebakaran yang menimpa sebuah rumah pada 7 Januari lalu di No. 5, Simpang 262-8-29, Jalan 10 Utara, RPN Lambak Kanan.

Tindakan pantas yang dilakukan oleh saudara pemilik rumah, lelaki tempatan berbangsa Melayu telah berjaya memadamkan kebakaran yang melibatkan sebahagian dinding dan siling rumah berkenaan berpunca daripada lilin jenis aromatherapy yang ditinggalkan dalam keadaan bernyala yang disimpan di atas meja jenis rotan. Kebakaran tersebut dipadamkan menggunakan air secara berangkat-angkat sebelum anggota bomba sampai di tempat kejadian.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menasihatkan orang ramai agar sentiasa memastikan setiap pemakaian elektrik tidak mencapai

tahap lebih bebanan (*overload*); mengelakkan benda-benda panas yang boleh menyebabkan kebakaran; sentiasa memastikan barang yang dinyalakan dalam keadaan selamat; memastikan suiz (*switch off*) mana-mana peralatan elektrik ditutup selepas menggunakan atau meninggalkannya dalam masa yang lama; memastikan pendawaian dalam keadaan baik serta membuat pemeriksaan dengan menggunakan syarikat yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik; memastikan bangunan dilengkapi dengan peralatan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api, selimut api (*fire blanket*) atau pun *smoke detectors* / alat pengesan asap (*battery operated*).

JBP juga menyarankan jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke JBP melalui Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

# Tatacara mencegah kebakaran dengan betul



WARGA sekolah dan murid Sekolah Nusa Jaya Kampung Keriam, Tutong semasa mengikuti praktikal pemadam api (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat, Cawangan Operasi 'E'

**TUTONG**, Selasa, 21 Januari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mengadakan taklimat pencegahan kebakaran dan tatacara penggunaan alat pemadam api melalui Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'E' bersama Unit Keselamatan Kebakaran / Penguatkuasaan dan Penyiasatan serta Unit Logistik bagi seramai 28 guru dan 278 pelajar bertempat di Sekolah Nusa Jaya Kampung Keriam, Tutong pada 14 Januari yang lalu.

Taklimat disampaikan secara

teori dan praktikal oleh Pegawai Balai, Awang Hamdani bin Sidek bersama empat orang anggota bomba. Ia bagi meningkatkan langkah-langkah keselamatan dan kesedaran orang awam berserta cara pemadam penggunaan alat pemadam api dan selimut api yang betul.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat menyarankan kepada orang ramai untuk sentiasa peka kerana kebakaran boleh sahaja berlaku pada bila-bila masa. Oleh itu, orang ramai adalah sentiasa diingatkan supaya

meningkatkan kewaspadaan dan mengambil langkah-langkah keselamatan semasa cuaca tidak menentu.

Seterusnya, pastikan pemasangan dan penyambungan pendawaian elektrik dibuat oleh orang yang berkemahiran dan diiktiraf atau bertauliah serta mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Akhir sekali, disarankan agar sentiasa meningkatkan pencegahan kebakaran, tidak berasa cemas sekiranya berlaku sebarang kecemasan dan menghubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.



TAKLIMAT bertujuan untuk meningkatkan langkah-langkah keselamatan dan kesedaran orang awam serta cara pemadam menggunakan alat pemadam api dan selimut api yang betul.

## Bantuan ringankan beban

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie bin Pg. Haji Nikman

**SUNGAI AKAR**, Isnin, 20 Januari. - Atas dasar pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Pengiran Bendahara Lama pada 9 Januari lalu, para mangsa kini ditempatkan di rumah sementara di Kampung Sungai Akar bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh mangsa bencana kebakaran.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama salah seorang mangsa, Muhammad Khairul Hazmi bin Mohd. Adnan Izan, beliau menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih atas bantuan dan berharap agar bantuan dapat digunakan secara berhikmah dan juga berharap pemberian rumah disegerakan.

Menurutnya lagi, setakat ini, beliau bersama tujuh orang keluarga tinggal di rumah sementara di Kampung Sungai Akar.

Katanya, mereka juga menerima sumbangan berbentuk keperluan makanan asasi daripada kerajaan dan orang ramai.

Begini juga bagi Abdul Majeed bin Musa, beliau turut menzahirkan rasa syukur dengan bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan mahupun daripada orang ramai.



MUHAMMAD Khairul Hazmi bin Mohd. Adnan Izan semasa ditemu bual.

Dengan adanya bantuan yang diberikan buat pada masa ini, jelas beliau, ia amatlah dihargai dan berharap agar mereka akan mempunyai rumah yang kekal untuk didiami buat selamanya.

Beliau memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alaa serta mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menghulurkan sumbangan di atas pemedulian dan keprihatinan terhadap nasib mereka.



ABDUL Majeed bin Musa semasa ditemu bual.

## Pendaftaran Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Januari. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan akan membuka Pendaftaran Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry bagi April 2020 bermula pada Isnin, 20 Januari 2020.

Borang yang lengkap diisikan hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, tidak lewat Isnin, 10 Februari 2020.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran, bolehlah diperoleh dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang lengkap pada setiap Isnin hingga Khamis, sebelah pagi, mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan sebelah petang, mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang. Manakala, pada Sabtu, mulai jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi semasa hari bekerja.

# Berganding bahu jaga keamanan kampung

**TUTONG**, Selasa, 21 Januari. - Pengawasan Kejiraninan ditubuhkan dengan tujuan untuk menanamkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang kepentingan sama-sama menjaga keamanan dan kestabilan negara.

Selain itu, projek sukarela ini ditubuhkan bertujuan untuk memupuk semangat kejiraninan, menimbulkan perasaan tanggungjawab dalam kalangan penduduk kampung serta mengekalkan semangat kejiraninan yang telah diamalkan sejak dahulu lagi.

Dengan semangat kejiraninan ini akan memberikan kesempatan untuk saling mengenali di antara satu dengan yang lain dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama insan. Kewujudan hubungan ini akan merangsang sikap pemedulian dan mengekalkan kehidupan berjiran yang harmoni dalam kalangan penduduk.

Selain itu, Pengawasan Kejiraninan kampung turut memberikan peluang kepada orang ramai khususnya penduduk kampung untuk berganding bahu bersama dengan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam melaksanakan pencegahan jenayah dan kawalan keselamatan secara sukarela.

"Pegawas Kejiraninan kampung ini memang bagus dan ia sesuai ditubuhkan di setiap kampung. Di mana ahli-ahli Majlis Perundingan



SESI bergambar ramai antara Pasukan Polis Diraja Brunei bersama Ahli Majlis Perundingan Kampung Sengkarai semasa Pengawasan Kejiraninan yang diadakan pada 6 Januari lalu.

Kampung (MPK) yang terpilih menjadi ahli pun bukan 'sembarang' kerana mereka juga akan dinilai dan perlu ada penapisan. Oleh itu, dengan adanya ahli Pengawasan Kejiraninan kampung ini akan dapat sama-sama berganding bahu bersama PPDB untuk mencegah apa jua jenayah di kampung

masing-masing," jelas Pemangku Ketua Kampung Sengkarai, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan semasa ditemui bual Pelita Brunei.

"Walaupun ahli-ahli kejiraninan cuma membantu namun menjalankan tugas pengawasan sangat mencabar seperti mengikuti rondaan mengikut waktu-waktu

tertentu sama ada sebelah pagi atau malam," terangnya mengenai cabaran yang dihadapi.

Projek Pengawasan Kejiraninan Kampung bukanlah satu buah fikiran yang baharu, malahan, ia

telah diperkenalkan di negara-negara yang sedang dan telah membangun seperti Australia, New Zealand, Singapura, Malaysia dan lain-lain lagi.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Ihsan Pemangku Ketua Kampung Sengkarai

# 1K1P bantu jana pendapatan penduduk kampung

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Januari. - Satu Kampung Satu Produk (1K1P) merupakan usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dalam menggiatkan mukim-mukim dan kampung-kampung di Negara Brunei Darussalam agar bergerak aktif membantu masyarakat ke arah meningkatkan kesejahteraan dan sosioekonomi setempat menerusi projek perekonomian.

Salah satu kampung di negara ini

yang giat aktif dalam penghasilan 1K1P ialah Kampung Kapok yang menghasilkan kerepek pisang dengan pelbagai perisa termasuk rasa asli, durian, milo, buah nangka, jagung dan pandan.

Dalam tinjauan Pelita Brunei mengenai Produk 1K1P yang menaikkan imej mukim dan kampung, Pemangku Ketua Kampung Kapok, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Timbang semasa ditemui antara lain mengongsikan pembuatan kerepek pisang tersebut dilaksanakan di rumah beliau sendiri.

Menurutnya, pembuatan produk ini adalah secara gotong-royong bagi menanamkan semangat kerjasama dan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahlinya.

Jelasnya lagi, setiap ahli ditetapkan untuk membayar yuran sebanyak BND10 sehingga terkumpulnya wang permulaan sebanyak BND900 dan dengan

Produk	Harga	Kategori
KEREPEK PISANG (DURIAN) / BANANA CHIPS (DURIAN)	\$1.00	Makanan dan Minuman
KEREPEK PISANG (INANGKA) / BANANA CHIPS (JACKFRUIT)	\$1.00	Makanan dan Minuman
KEREPEK PISANG (JAGUNG) / BANANA CHIPS (CORN)	\$1.00	Makanan dan Minuman
KEREPEK PISANG (PANDAN) / BANANA CHIPS (PANDANUS)	\$1.00	Makanan dan Minuman

LAMAN sesawang 1K1P.

hasil kutipan yuran itu, telah dijadikan modal permulaan bagi menjalankan projek membuat kerepek pisang.

Sumber bahan mentah pula tambahnya, diperolehi daripada tanaman penduduk kampung dan sekiranya tidak mencukupi, para ahli akan cuba mencari bahan mentah di luar kawasan kampung atau di negara jiran.

Penyertaan penduduk kampung terhadap projek perekonomian Majlis Perundingan Kampung (MPK) ini jelasnya, amat

menggalakkan kerana ahli-ahli telah sepakat mempunyai pemikiran dan perubahan sikap ingin maju dan proaktif di dalam reka cipta produk kampung yang mana adalah penting bagi menjana pendapatan dalam kalangan penduduk kampung.

Menyentuh mengenai laman sesawang 1K1P yang dilancarkan baru-baru ini, beliau menyambut baik dengan adanya laman sesawang tersebut kerana produk-produk 1K1P yang dihasilkan bukan saja dapat

ditempat oleh masyarakat tempatan malah dapat menarik orang luar untuk membeli produk-produk berkenaan.

Pemangku Ketua Kampung Kapok seterusnya berkata untuk menaikkan imej sebuah mukim dan kampung itu, haruslah sentiasa bersatu padu dan bermuzakarah di antara ahli-ahli MPK dan juga penduduk kampung bagi menghasilkan idea-idea dan saran-saran dalam membaikkan lagi kampung atau mukim berkenaan.



SESI temu bual Pelita Brunei bersama Pemangku Ketua Kampung Kapok mengenai 1K1P.

# Hadis memelihiar lidah dan tangan : Hayati maksud dan pengajarannya

## KELUARAN KEDUA

### Maksud Memelihiar Tangan Daripada Melakukan Kejahatan

**M**ENURUT ulama, rahsia disebut tangan secara khusus dalam hadis berkenaan adalah kerana kebanyakan perbuatan dan pekerjaan seseorang, sama ada yang baik atau sebaliknya, dilakukan menggunakan anggota berkenaan. Melakukan perkara yang baik dan diharuskan seperti bersalamans, menghulurkan bantuan, makan minum yang halal, menulis ilmu dan seumpamanya dikerjakan menggunakan tangan. Begitu juga perbuatan seperti memukul, mencuri, merosakkan harta benda awam dan banyak lagi perbuatan lain yang buruk dan terlarang, kebanyakan juga adalah hasil perlakuan tangan. Kejahatan tangan ini boleh sahaja berlaku sama ada secara langsung atau sebagai suatu sebab berlakunya sesuatu kejahatan.

Apa yang dimaksudkan dengan kejahatan tangan di sini adalah apa-apa kejahatan yang dilakukan oleh tangan tanpa apa-apa hak yang mengharuskannya. Adapun perlakuan seperti melaksanakan hukuman *hadd* atau *ta'zir* terhadap orang yang bersalah dan berhak menerima hukuman, seperti orang yang ditugaskan untuk melaksanakan potong tangan ke atas pencuri, atau pukulan untuk melatih dan mendidik dalam perkara-perkara yang dibenarkan, seperti memukul anak yang tidak menunaikan sembahyang setelah berusia 10 tahun adalah tidak termasuk dalam tegahan ini. Ini kerana perlakuan tersebut dilakukan bukan atas tujuan menyakiti atau membala dendam, akan tetapi untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala bagi menegakkan keadilan, memperbaiki dan memberi pengajaran bagi kemaslahatan dunia dan akhirat.

Ia juga tidak terhad kepada perbuatan menyakiti dengan anggota tangan secara lahiriah semata-mata, bahkan ia merangkumi kejahatan yang dikaitkan secara simbolik terhadap tangan seperti perbuatan menzalimi hak orang lain tanpa hak, membuli, menindas, salah guna kuasa, memperalatkan orang lain bagi kepentingan diri serta kaum keluarga dan seumpamanya. Semua ini termasuk dalam kategori kejahanan-kejahanan tangan kerana perbuatan tersebut juga

dikategorikan sebagai perbuatan yang menyakiti dan menzalimi orang lain.

Salah satu kejahatan yang menggabungkan kedua-dua anggota lidah dan tangan adalah kejahatan dalam bentuk penulisan, sama ada melalui medium bercetak seperti buku, akhbar dan sebagainya atau melalui medium lain seperti internet dan sebagainya. Ia termasuk juga penulisan-penulisan tidak beretika yang berbentuk fitnah, mencaci, mengumpat dan menyebarkan maklumat kurang tepat dan tidak sahih.

Kejahatan seumpama ini boleh menyakiti orang lain secara berpanjangan selagi mana belum diperbetulkan atau belum dihapuskan penulisan tersebut daripada sumber-sumbernya. Untuk menghapuskan penulisan yang menyakiti orang lain sememangnya satu perkara yang sangat sukar apatah lagi pada zaman ini di mana penyebaran sangat meluas sehingga apa sahaja penulisan yang ditulis atau dikongsikan dengan mudah sahaja menjadi tular (*viral*) dan boleh dibaca oleh sesiapa sahaja tanpa kawalan dan tapisan.

Menurut Imam as-Safiri Rahimahullah, iaitu salah seorang ulama Mazhab asy-Syafii, satu lagi bentuk penulisan yang dikira menyakiti orang lain adalah semua tulisan, dokumen atau penandatanganan yang tidak jujur daripada pemegang amanah. Contohnya yang berbentuk penipuan, persaksian palsu serta lain-lain kezaliman dan pelanggaran terhadap hak orang lain, seperti membuat surat pengakuan palsu atau menandatangani satu dokumen yang menzalimi, memutuskan rezeki orang lain tanpa hak, menipu dan menganiaya atau yang tidak menunaikan hak-hak yang sepatutnya. Apatah lagi jika ia dilakukan oleh mereka yang dipertanggungjawabkan atau diamanahkan untuk memelihiar kebajikan dan kemaslahatan orang ramai. Ini jelas merupakan suatu kejahanan besar terhadap orang lain yang mana kesannya boleh menjadi lebih besar dan lebih menyakiti daripada kata-kata.

### Rahsia Digandingkan Anggota Lidah Dengan Tangan

Dalam kitab Umdah al-Qari disebutkan bahawa rahsia kenapa dua anggota ini disebut secara beriringan dalam hadis berkenaan adalah kerana perbuatan menyakiti orang lain dengan lidah dan tangan adalah lebih banyak berlaku


daripada perbuatan menyakiti orang lain dengan anggota-anggota yang lain. Maka dengan menghususkan kedua anggota ini, ia seolah-olah merangkumi semua bentuk kejahatan yang dilakukan anggota-anggota tubuh badan yang lain.

Selain itu, menurut Syeikh Abu Dzar Ibnu asy-Syeikh Burhanuddin Rahimahullah ketika beliau mensyarah hadis ini, kedua anggota ini tidak diasingkan, bahkan disebutkan bersama-sama dalam hadis berkenaan kerana seorang Muslim yang benar-benar sempurna itu hendaklah mampu mengawal kedua-dua anggota tersebut secara bersamaan. Ini kerana boleh jadi seseorang itu menahan diri daripada menyakiti orang lain dengan tangannya kerana takut, lemah, tidak memiliki kuasa dan sebagainya. Sekiranya dalam masa yang sama dia juga mampu mengawal lidahnya dari melakukan kejahatan, maka terbuktilah di sini bahawa dia menahan kejahatan tangannya semata-mata kerana memelihiar perintah ugama dan mentaati suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya, bukan atas sebab takut, lemah dan seumpamanya.

Adapun sebab kenapa lidah disebut terlebih dahulu sebelum tangan adalah kerana menyakiti dengan lidah lebih banyak berlaku dan lebih mudah dilakukan daripada menyakiti dengan tangan dan lainnya. Ia juga lebih kuat kesannya dalam mendatangkan kemarahan, sakit hati, perseteruan dan kesedihan.

### Kesimpulan Dan Pengajaran Hadis

Daripada penjelasan para ulama mengenai hadis yang memerintahkan untuk memelihiar lidah dan tangan ini, dapat difahami bahawa hadis ini merupakan anjuran dan perintah supaya tidak menyakiti kaum Muslimin serta semua golongan yang tidak berhak untuk disakiti, dengan apa sahaja cara sekalipun. Bahkan menurut Imam al-'Aini Rahimahullah, ia juga membawa maksud supaya sentiasa memelihiar akhlak dan perlakuan terhadap seluruh alam dan tidak membuat sebarang kezaliman dan kerosakan terhadap mana-mana makhluk hatta kepada binatang sekalipun. Ini sepertimana kata-kata Imam al-Hasan al-Basri Rahimahullah : "Orang-orang yang baik adalah mereka yang tidak menyakiti walau semut-semut kecil sekalipun." Bahkan hendaklah dia juga tidak melakukan kerosakan terhadap harta



Website : [www.mufti.gov.bn](http://www.mufti.gov.bn)  
E-mail : [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) - [fatwa@brunet.bn](mailto:fatwa@brunet.bn)

benda apatah lagi harta benda awam. Ini kerana perbuatannya itu akan menyakiti dan menyusahkan pengguna-pengguna yang lain yang berhajat kepada harta benda berkenaan.

Hadis ini juga menganjurkan untuk menyatu padukan hati, jiwa, *mahabbah* dan kesatuan kaum Muslimin dan mencari apa sahaja jalan yang dapat merealisasikannya. Ini kerana kesatuan serta jalinan *mahabbah* antara sesama muslim merupakan salah satu rukun dan tunjang syariat dan salah satu unsur terpenting ajaran ugama Islam.

Menurut Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani Rahimahullah, hadis berkenaan juga merupakan saranan dan petunjuk bahawa seorang Muslim itu hendaklah berlaku baik terhadap Tuhan. Ini kerana walaupun hadis ini secara lahirnya menyuruh supaya sentiasa berlaku baik sesama makhluk terutamanya sesama kaum Muslimin, sebenarnya tersirat satu tuntutan yang lebih besar iaitu suruhan berlaku baik terhadap Tuhan. Ini jelas kerana apabila seseorang itu dituntut untuk berlaku baik terhadap saudaranya, maka adalah lebih utama juga baginya berlaku baik terhadap Tuhan.

Oleh itu, dalam memelihiar hak sesama manusia, jangan sekali-kali diabaikan hak yang lebih utama daripada itu iaitu hak terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

منجو كريضاعن الله  
MENUJU KEREDAAN ALLAH  
كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

**D**ALAM hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, daripada Abdullah bin Umar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sambil memegang bahunya : "Jadilah kamu (semasa hidup) di dunia seolah-olah kamu seorang pengembawa atau menyeberang sebatang jalan."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di sini telah menyatakan satu ungkapan yang sangat pendek namun maknanya sangat luas dan mendalam untuk kita renungi. Baginda mengibaratkan kehidupan kita di dunia ini adalah umpama seorang pengembawa atau musafir. Mengapa Rasulullah menyatakan demikian? Kerana hakikatnya seorang musafir itu cuma berhenti sementara dan apabila tiba saatnya dia akan berlalu pergi jauh. Mereka cuma bertujuan untuk mencari bekalan dan keperluannya bagi meneruskan perjalanan selanjutnya selepas itu. Itulah hakikat yang perlu kita ingat sebagai hamba kepada Maha Pencipta, Pemilik Sekalian Alam.

Jelasnya, tujuan kita hidup di dunia ini adalah kerana akhirat semata-mata. Jika bekalan yang dibawa sepanjang pengembawaan atau kehidupan ini bekalan yang baik, maka

## Hakikatnya kita hanya musafir

baiklah kehidupan kita di destinasi yang kekal seterusnya, begitu jugalah sebaliknya. Inilah sebaik-baik ciri musafir yang bermatlamat. Dia tahu akan matlamat sebenar pengembawaannya sehingga dia menggunakan peluang sebagai musafir itu dengan baik sekali.

Namun, janganlah pula kita menjadi musafir yang sekali-kali lupa jalan pulangnya. Musafir yang lalai, ketawa riang tanpa mengingat suatu masanya kita akan kembali ke Maha Pencipta dalam sedikit masa lagi. Dia mula terpesona dengan keindahan yang memperdaya di sepanjang persinggahannya dan seterusnya lupa akan asal-usulnya, tujuan dan matlamat sebenarnya sehingga ada yang menegurnya untuk pulang tetapi tetap diendahkannya.

Sebagai manusia, memang diakui sering kali kita silap dan kadang-kadang tersesat di perjalanan. Walaupun demikian, berusahalah memperbaiki diri tanpa putus asa dan mulalah bertanya petunjuk kepada mereka yang lebih arif bagaimana cara yang betul mahu sampai ke sebuah destinasi yang dituju. Apabila matlamat sudah jelas, setentunya kita tidak akan sekali-kali goyah walau menghadapi badai dan ribut yang sangat mencabar. Kita tetap akan terus berlari dan tetap kuat sehingga sampai ke

destinasi dengan selamat. Dalam konteks ini, bekalan yang terbaik itulah ketaqwaan iaitu amal salih dalam menjalankan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah al-Baqarah, ayat 197, yang bermaksud :

"Dan hendaklah kamu membawa bekalan dengan secukupnya maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah taqwa. Dan bertaqwalah kamu kepada-Ku wahai orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya)."

Manakala dalam Surah adz-Dzariyyat, ayat 56, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman : "Dan tidak aku menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk beribadat kepada Aku."

Ayat ini menunjukkan bahawa ibadah adalah tujuan utama kita diciptakan. Musafir yang bijaksana sentiasa efisien akan waktunya dan mengambil setiap kesempatan yang ada untuk menyediakan bekalan taqwa. Imam an-Nawawi pernah berkata : "Sesungguhnya bagi Allah Subhanahu Wata'ala ada hambanya yang bijaksana, yang menolak dunia kerana takutkan fitnahnya, lalu dia melangkah dengan penuh berhati-hati kerana dia sedar dunia bukan tempat (watan) yang kekal abadi, lantas dia membayangkan laluan dunia itu

bak laut yang dalam, dia membawa bekalan yang baik-baik dan kenderaan yang menyampaikannya ke sebuah destinasi."

Justeru itu, janganlah kita bertangguh-tangguh lagi dalam amal ibadat dan perkara-perkara yang mulia. Namun haruslah diingat, peringatan Rasulullah dalam hadis tersebut adalah untuk mengajak kita menyedari hakikat diri kita dan bukannya mengajar kita untuk menolak sepenuhnya kehidupan di dunia tetapi menyeimbangkan kehidupan serta mengambil sebahagian kecil dunia ini untuk persiapan akhirat. Kembalilah memuhasabah diri dengan sentiasa memeriksa amalan-amalan kita, merenung perjalanan hidup yang telah dilalui serta sentiasa berasa kurang sehingga wujudnya perasaan untuk sentiasa beristighfar kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, janganlah kita hidup di dunia milik Allah Subhanahu Wata'ala ini dengan sikap sambil lewa. Semoga dengan sisa umur kita di dunia ini, Allah menjadikan kita sebagai musafir yang bijaksana yang tidak tertipu dengan keindahan dunia yang sementara. Terlalu banyak nikmat yang telah Allah kurniakan kepada kita, maka manfaatkanlah masa dan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala itu untuk kita sentiasa berjuang mendapat keredaannya.

# 368 pelajar baharu ikuti Minggu Ta'aruf



GURU Kanan Hal Ehwal Pelajar SMALHB semasa menyampaikan taklimat dan kata-kata motivasi buat para pelajar baharu.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Januari. - Seramai 368 pelajar baharu Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) mengikuti Minggu Ta'aruf yang merupakan acara tahunan sekolah berkenaan dalam mengalu-alukan kehadiran pelajar Pra U1.

Acara berlangsung di Surau At-Taqwa SMALHB, di sini.

Minggu Ta'aruf bertujuan untuk memberikan peluang kepada para pelajar mengenali hal ehwal sekolah termasuk akademik, jurusan dan disiplin sepanjang pengajian di SMALHB sesuai dengan misinya untuk membentuk pelajar berpengetahuan, sihat, berakhlik mulia, bertaqwa dan berketerampilan.

Pelbagai aktiviti dirancang bagi mengisikan Minggu Ta'aruf selama 4 hari tersebut bermula 20 Januari dan berakhir pada 23 Januari 2020.

Hari pertama Minggu Ta'aruf dimulakan dengan Sembahyang Sunat Dhuha, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh pelajar Pra U2, Muhammad Wa'al Shafizullah bin Abdul Rahman dan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh pelajar Pra U2, Awangku Ahmad

ANTARA pelajar perempuan yang hadir.



SEBAHAGIAN pelajar lelaki Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) mengikuti Minggu Ta'aruf.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Basyir bin Pengiran Haji Zaini.

Aktiviti Minggu Ta'aruf diteruskan dengan bacaan Rattib Al-Attas yang dipimpin oleh pelajar Pra U2, Muhammad Aimanuddeen Syahir bin Haji Ibrahim.

Mengalu-alukan para pelajar baharu ialah Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar SMALHB, Haji Hainey bin Haji Hamidon yang turut menyampaikan taklimat dan kata-kata motivasi buat pelajar

baharu.

Pada tahun ini, seramai 136 pelajar lelaki dan 232 pelajar perempuan diterima melanjutkan pengajian dan daripada keramaian tersebut, seramai 145 pelajar akan mengambil jurusan Syukbah Syariah, 105 pelajar mengambil Syukbah Usuluddin, 30 pelajar mengambil Syukbah Lughah Arabiyah, 62 pelajar mengambil Syukbah Umum 1 dan 26 pelajar mengambil Syukbah Umum 2.



UBDSBE melalui Majlis Pelajar UBDSBE mengadakan jerayawara bagi meningkatkan kesedaran mengenai laluan mereka untuk mendapatkan akreditasi dari Persatuan kepada Advance Collegiate Schools of Business.

## Tingkat kesedaran mengenai AACSB

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

**TUNGKU LINK,** Isnin, 20 Januari. - Bagi mencapai kualiti pendidikan perniagaan yang lebih tinggi, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) melalui Majlis Pelajar UBDSBE baru-baru ini mengadakan jerayawara bagi meningkatkan kesedaran mengenai laluan mereka untuk mendapatkan akreditasi dari Persatuan kepada Advance Collegiate Schools of Business (AACSB).

AACSB adalah sebuah badan akreditasi antarabangsa yang terkenal dalam menghubungkan sekolah-sekolah, para pelajar dan perniagaan-perniagaan, dengan misi untuk meningkatkan penglibatan, mempercepat inovasi dan menguatkan impak dalam pendidikan perniagaan. Sehingga kini, AACSB telah menyediakan jaminan kualiti, kecerdasan pendidikan perniagaan dan perkhidmatan pembangunan profesional kepada lebih daripada

1,700 anggota organisasi dan lebih daripada 840 sekolah perniagaan yang diiktiraf di seluruh dunia.

Dengan misi 'Menyediakan kualiti pendidikan dan memupuk pemimpin yang inovatif dan penyayang untuk menyumbang kepada masyarakat', UBDSBE menjadi ahli AACSB Business Education Alliance sejak tahun 2014 dan sedang dalam proses mencapai Akreditasi Perniagaan AACSB.

Dengan menjadi ahli akreditasi AACSB, UBDSBE akan menjadi sebahagian daripada gerakan yang secara kolektif untuk meningkatkan kualiti pendidikan perniagaan di seluruh dunia.

Setakat ini, antara penambahbaikan yang lain, UBDSBE meningkatkan proses Jaminan Pembelajaran mereka selaras dengan Piawaian AACSB untuk memastikan pelajar UBDSBE yang menamatkan pengajian dari sekolah perniagaan mempunyai kemahiran dan kecekapan yang dikehendaki di tempat kerja.


Sekolah tersebut juga melibatkan perniagaan, agensi kerajaan dan alumni yang berkaitan untuk meningkatkan kurikulum mereka, dan memupuk hubungan dengan perniagaan dan pihak berkepentingan luar yang

lain untuk menyediakan peluang pembelajaran dalam dunia realiti kepada pelajar.

Jerayawara yang diadakan selama tiga hari bermula pada 13 hingga 15 Januari 2020 yang dianjurkan oleh Majlis Pelajar UBD bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar mengenai AACSB dan nilai akreditasi.

Pelajar Tahun Pertama diperkenalkan kepada AACSB dan UBDSBE termasuk misi sekolah, jangkaan hasil dan matlamat pembelajaran program dengan menggunakan aktiviti promosi dan permainan yang dikendalikan oleh Majlis Pelajar.

Jerayawara tersebut akan diteruskan dengan lagi pada bulan depan menerusi lawatan daripada mentor yang dilantik AACSB,



ANTARA yang terlibat dalam menjayakan jerayawara tersebut.

Dewan Bersekutu Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dari universiti UAE, Profesor Mohamed Madi.

Beliau mempunyai pengalaman luas dengan akreditasi, yang sebelum ini berkhidmat sebagai mentor AACSB untuk King Abdul-Aziz University di Arab Saudi.

Semasa lawatannya di Negara Brunei Darussalam, Profesor Mohamed Madi akan membentangkan topik mengenai 'Achieving and Preserving Quality: AACSB Accreditation'.

Pihak yang berminat boleh menghubungi Pejabat Fakulti UBDSBE melalui office.sbe@ubd.edu.bn atau +673 2460922 / +673 2460923 (sambungan 1102 / 1104 / 1105) untuk maklumat lanjut.

# 20 universiti ternama sertai International Study Fair



AGENSI Perkhidmatan Pendidikan Findlay Brunei mengadakan International Study Fair ke-11 di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Januari. - Agensi Perkhidmatan Pendidikan Findlay Brunei hari ini mengadakan International Study Fair ke 11 bertempat di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Pameran berkenaan berlangsung bermula pukul 2:00 petang hingga 7:00 malam itu merupakan acara terbesar Findlay disertai sebanyak 20 buah Universiti ternama dari Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Kanada, Malaysia dan Singapura.

Universiti-universiti yang menyertai menawarkan beberapa

program pengajian yang selaras dengan tagline Findlay iaitu 'Penyelesaian Pendidikan, Pekerjaan, dan Kecemerlangan'.

Universiti-universiti berkenaan juga menerangkan topik pengajian dan pembelajaran yang terbaik untuk para pelajar di negara Brunei Darussalam yang berminat.

Para pelajar juga berpeluang bertemu dengan para profesional terkemuka dari sektor swasta dan berbincang tentang kerjaya dalam bidang masing-masing.

"Para pelajar perlu memanfaatkan peluang ini untuk menentukan pilihan mereka berdasarkan kelulusan mereka,

serta menyediakan pilihan lain sekiranya keputusan mereka berbeza dengan apa yang diharapkan," ujar Pengurus, Konsultan dan Latihan Findlay Brunei, William Martin.

Para pelajar yang tidak mempunyai kelulusan yang memenuhi syarat juga masih berpeluang untuk mendaftar ke universiti-universiti ternama melalui pihak penyedia laluan atau pathway provider iaitu INTO, OnCampus dan Kumpulan Pendidikan Antarabangsa Oxford yang mana mereka akan mempertimbangkan permohonan mengikut terma dan syarat.

## 50 murid berpeluang menonton 'Akademi'

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Januari. - Filem tempatan 'Akademi' mencatat rekod tayangan tertinggi sejak ia ditayangkan di seluruh negara bermula 16 Januari dan mendapat sambutan menggalakkan daripada penonton di seluruh negara.

Kelman, lebih daripada 50 murid dari Sekolah Rendah Tunku I berpeluang menonton tayangan Akademi di Times Cineplex di The Empire Brunei.

Akademi adalah filem ketiga arahan Pengarah Filem Akademi, Siti Kamaluddin. Filem tersebut dibintangi oleh pelakon wanita terkemuka, Liyana Yus sebagai Hani, seorang wanita muda yang ingin bekerja di syarikat keselamatan elit yang bertanggungjawab melindungi salah satu sumber semula jadi Brunei yang jarang ditemui, Maharaja Durian.

Semasa tayangan tersebut, para murid dialu-alukan oleh Siti Kamaluddin dan para pelakon Akademi Nadiah Wahid dan Syafi Halim.

Semasa ucapan pembukaan oleh Siti Kamaluddin, beliau mengatakan bahawa para pelajar yang hadir sangat bernasib baik dapat membesar dengan menonton filem Brunei.

"Objektifnya untuk berkongsi menonton filem Akademi bersama murid-murid sekolah adalah untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Brunei dalam komunikasi harian. Terdapat banyak perkara di Brunei yang kita ingin pelihara iaitu



PENGARAH Filem Akademi, Siti Kamaluddin menerima penghargaan daripada Guru Sekolah Rendah Tunku, Khairul Salleh.

Berita dan Foto : Ihsan Munji Athirah

bahasa, budaya dan tempat. Untuk menghasilkannya ke dalam filem dan ditonton serta disukai oleh beribu-ribu orang, ia adalah perkongsian yang amat menggembirakan," jelas Siti Kamaluddin.

Apabila ditanya mengenai satu perkataan untuk menggambarkan Akademi, pelajar Sekolah Rendah Tunku mengatakan "Siuk!".

Filem komedi aksi ini adalah

filem ketiga arahan Siti Kamaluddin selepas 'Yasmine' (2014) dan 'Hari Minggu Yang Ke-Empat' (2018).

Ia adalah filem mengenai Brunei untuk rakyat Brunei, di samping mendedahkan humor dan budaya tempatan ke pasaran global.

Untuk maklumat lanjut mengenai Akademi, hubungi Munji Athirah +673 8710888 atau e-mel munji@originartistic.com.

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

Penyediaan laluan atau Pathway Provider adalah alternatif, mereka menawarkan program aras sarjana tahun pertama bagi mempersiapkan para pelajar untuk masuk ke universiti pilihan mereka.

Tiga penyedia laluan yang menghadiri pameran berkenaan hari ini menawarkan program yang membawa kepada lebih daripada 40 universiti terkenal di UK.

Hari ini, penyediaan laluan berkenaan sangat terkenal pada masa ini, pembelajarannya akan berlangsung di salah sebuah kampus berdekatan dengan universiti keinginan mereka, menjadikannya ia sangat selesa untuk mereka mengunjungi universiti berkenaan.

Manakala, pelajar yang mempunyai kelulusan A Level yang tidak memenuhi syarat untuk

memasuki universiti-universiti berkenaan mungkin dapat dipertimbangkan dan dapat mengikuti program tahun pertama atau pathway provider dan seterusnya mengikuti pembelajaran tahun kedua di universiti pilihan.

Pada acara berkenaan, Pegawai dari Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Majlis Pengiktirafan Kebangsaan Brunei Darussalam dan Seksyen Biasiswa turut menyediakan maklumat lebih lanjut mengenai pengiktirafan dan sebagainya.

Juga hadir, wakil dari Bank Islam Brunei Darussalam untuk menerangkan kewangan pembelajaran, Plux-EXP dengan produk internship dan CfBT untuk memberikan penerangan mengenai ujian IELTS Bahasa Inggeris.

## CEGAH INFLUENZA (FLU)

### Tanda-Tanda Influenza:



### Bagaimana Influenza Merebak?

- Influenza adalah disebabkan oleh jangkitan virus. Virus ini merebak melalui titisan saluran pernafasan, terutamanya apabila pesakit batuk dan bersin.
- Titisan cecair pernafasan itu mungkin mencemari tangan dan permukaan persekitaran.
- Seseorang boleh dijangkit apabila berada dalam jarak kurang dari 1 meter dari pesakit atau apabila bersentuhan dengan permukaan tercemar.

### Apa Yang Perlu Awda Lakukan Jika Menghadapi Influenza:





**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA SAHAJA.**

TARIKH IKLAN : 22 JANUARI 2020. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 05 FEBRUARI 2020. BILANGAN IKLAN : 04 / 2020 (SPA / BIKL)

## PERATURAN 38(b) - LUAR BIDANG

### Syarat-Syarat Am :

- A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- C) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- E) Cara permohonan – Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**1. KETUA MERINYU HAL EHWAL UGAMA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
C.1-2 EB.3 (BND1,280 - BND2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

### KELAYAKAN MINIMUM :

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Bahasa Arab / Pengajian Islam / Syariah / Undang-Undang / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal

JABATAN  
KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN



**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DI DALAM  
KELAS : IV, V & VI SAHAJA  
KATEGORI :  
[B01 SAHAJA- KOD BARU]**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
28 JANUARI 2020 (SELASA)

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
11 FEBRUARI 2020 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG  
BILANGAN :  
JKR / DTS / 01 / CQS / 2020 - T/V

**NAMA PROJEK :**  
CADANGAN DEWAN SEKOLAH  
RENDAH LAMBAK KANAN JALAN 49  
**NO. PROJEK :**  
JKR / DTS / RKN / 15 / 2016

**YURAN TAWARAN :**  
BND500.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**E - DOKUMEN :**  
TIDAK ADA

### NOTA :

Iklan hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sahaja.

Tarikh Iklan :  
**22 JANUARI 2020**

Tarikh Tutup :  
**05 FEBRUARI 2020**

Tempat menghantar Borang Permohonan :  
**UNIT PENGAMBILAN KAKITANGAN  
TINGKAT 3, BANGUNAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA  
JALAN DEWAN MAJLIS, BB3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

6. Membuat persiapan yang lengkap untuk menyertai operasi bersepudu yang dikendalikan oleh agensi-agensi penguatkuasaan.
7. Menjalankan post-mortem setiap risikan yang dijalankan bagi mengkaji keperluan untuk penambahbaikan.
8. Menyediakan laporan risikan setiap minggu dan menghadapkannya kepada Ketua Unit Penguatkuasaan.
9. Memastikan segala tindakan penguatkuasaan mengikut prosedur dan

### PEMBERITAHUAN :

1. Penggunaan Borang SPA/1
  - a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.
  - b. Borang SPA/1 boleh didapat di laman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ([www.spa.gov.bn](http://www.spa.gov.bn)) klik 'Muat Turun' kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
  - c. Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pesesan.
  - d. Pemohon hendaklah menyertakan dua keping gambar terkini berukuran pasport.
2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan).
3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan**.

undang-undang.

10. Menjalankan audit ke atas pemohon Sijil Halal dan Permit Halal bagi restoran dan kilang.
11. Menerima arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa.

JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN  
SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA  
[BAHAGIAN MAKAN TENGAH HARI  
- SECARA BERHIDANG]  
BILANGAN TAWARAN :**



1) KHEU / JPI / MM / SAR / 06  
KETERANGAN :  
SEKOLAH ARAB RIMBA  
BAYARAN YURAN TAWARAN :  
BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

2) KHEU / JPI / MM / SUAMP RIPAHS,  
KATOK / 09  
KETERANGAN :  
SEKOLAH UGAMA ARAB MENENGAH  
PEREMPUAN RAJA ISTERI PENGIRAN  
ANAK HAJAH SALEHA, KATOK  
BAYARAN YURAN TAWARAN :  
BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

Tarikh akhir mengambil borang tawaran :  
Khamis, 27 Jamadilakhir 1441H /  
23 Januari 2020M

Tarikh tutup tidak lewat pada :  
Selasa, 3 Jamadilakhir 1441H /  
28 Januari 2020M  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran adalah dipelawa bagi :  
**'THE SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, SET UP AND  
TESTING OF STANDING AND  
PORTABLE INTERACTIVE  
SMARTBOARD FOR PUBLIC  
WEATHER AWARENESS,  
PROMOTIONAL AND OUTREACH  
PROGRAM FOR BRUNEI  
DARUSSALAM METEOROLOGICAL  
DEPARTMENT'**

Bilangan Tawaran :  
**JKBD / 2019 / SH-17**

Tarikh Tutup :  
Rabu, 22 Januari 2020, jam 2.00 Petang




**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**
**BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ASSET / BUUMM / CONTRACT/  
2020 / 1 / 1**

'TAWARAN PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN KAWASAN LUAR / DALAM BANGUNAN UNDANG-UNDANG DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM'

**TARIKH TUTUP TAWARAN:  
Selasa, 28 Januari 2020, 2.00 Petang**

**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : II & II SAHAJA  
KATEGORI : [B01 SAHAJA - KOD BAHARU]

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
4 FEBRUARI 2020 (SELASA)**
**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :  
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG**
**BILANGAN :  
JKR / DTS / 03 / CQS / 2020 - T/II**

**NAMA PROJEK :**  
**PEMBINAAN RUMAH BANTUAN BAGI ORANG-ORANG SUSAH BERNAMA MARIA BINTI YUSOE, K.P : 01-089813 (K), NO. 6, SIMPANG 1159, KG. PENGKALAN BATU, DAERAH BRUNEI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**JUALAN LELONG SECARA SEBUT  
HARGA HARTA BENDA KERAJAAN**

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu bawahwa Jualan Lelong secara sebut harga bagi perabot dan peralatan sekolah dan pejabat kepunyaan di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kepada sesiapa yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan borang jualan secara sebut harga di alamat :

**BAHAGIAN KEWANGAN  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
TINGKAT 4, BLOK 2 I  
JALAN ONG SUM PING  
BANDAR SERI BEGAWAN, BA1311**

**WAKTU MENGAMBIL BORANG :  
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi /  
2.00 Petang hingga 4.00 Petang**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
BORANG :  
2 Jamadilakhir 1441H /  
27 Januari 2020M ( Isnin )  
tidak lewat jam 4.00 Petang.**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU  
MENGHANTAR BORANG :  
3 Jamadilakhir 1441H /  
28 Januari 2020M ( Selasa )**

**tidak lewat jam 9.00 Pagi.  
LOT KETERANGAN BARANG  
Peralatan / perkakas sekolah**

**JUMLAH  
133 unit**

**TEMPAT MELIHAT  
Sekolah Persediaan Arab  
Bandar Seri Begawan**

Jualan Lelong secara sebut harga ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemberong firma swasta dan orang ramai.
2. Untuk keterangan lanjut mengenainya, hubungi talian +673 2230101 Unit pembelian, stor & penghapusan semasa waktu pejabat.
3. Hanya pembeli berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.
4. Lelongan sebut harga yang berjaya adalah dinilai berdasarkan harga tawaran tertinggi.
5. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat 14 hari dari tarikh jualan dan jika lewat akan dirampas serta dilelong semula.


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA 'ARCHITECT CONSULTANCY' YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : - KATEGORI : -

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
28 JANUARI 2020 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :  
4 FEBRUARI 2020 (SELASA)**

**BILANGAN :  
JKR / RFQ / DOD / 09 / 2019**

**NAMA PROJEK :  
REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
ARCHITECT CONSULTANCY  
SERVICES FOR THE PROPOSED  
KAMPUS BARU KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN UGAMA  
SERI BEGAWAN,  
KAMPUNG LIMAU MANIS**

**YURAN TAWARAN : BND100.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

DIBUKAKAN KEPADA 'QUANTITY SURVEYING CONSULTANCY' YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : - KATEGORI : -

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
28 JANUARI 2020 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :  
4 FEBRUARI 2020 (SELASA)**

**BILANGAN :  
JKR / RFQ / DOD / 07 / 2019**

**NAMA PROJEK :  
REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
QUANTITY SURVEYING  
CONSULTANCY SERVICES FOR THE  
PROPOSED KAMPUS BARU KOLEJ  
UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA  
SERI BEGAWAN,  
KAMPUNG LIMAU MANIS**

**YURAN TAWARAN : BND100.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

DIBUKAKAN KEPADA 'CIVIL AND STRUCTURAL ENGINEERING CONSULTANCY' YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : - KATEGORI : -

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
28 JANUARI 2020 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :  
4 FEBRUARI 2020 (SELASA)**

**BILANGAN :  
JKR / RFQ / DOD / 09 / 2019**

**NAMA PROJEK :  
REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
CIVIL AND STRUCTURAL  
ENGINEERING CONSULTANCY  
SERVICES FOR THE PROPOSED  
KAMPUS BARU KOLEJ UNIVERSITI  
PERGURUAN UGAMA  
SERI BEGAWAN,  
KAMPUNG LIMAU MANIS**

**YURAN TAWARAN : BND100.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

DIBUKAKAN KEPADA 'MECHANICAL AND ELECTRICAL CONSULTANCY' YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : - KATEGORI : -

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN PADA :  
28 JANUARI 2020 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :  
4 FEBRUARI 2020 (SELASA)**

**BILANGAN :  
JKR / RFQ / DOD / 10 / 2019**

**NAMA PROJEK :  
REQUEST FOR QUOTATION (RFQ)  
MECHANICAL AND ELECTRICAL  
ENGINEERING CONSULTANCY  
SERVICES FOR THE PROPOSED  
KAMPUS BARU  
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN  
UGAMA SERI BEGAWAN,  
KAMPUNG LIMAU MANIS**

**YURAN TAWARAN : BND100.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**

1) KHEU / JPI / JKS / 20 /  
2019 - 2020

**KETERANGAN :**

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR  
PERALATAN MEJA DAN KERUSI  
GURU DI SEKOLAH ARAB DAN  
SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA  
TAHUN 1441H / 2020M,  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA

**BAYARAN YURAN TAWARAN :  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN**

**Tarikh tutup tidak lewat pada :  
Rabu, 4 Jamadilakhir 1441H /  
29 Januari 2020M**

**Tidak lewat jam 2.00 Petang**





JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA KATEGORI : [KA01]

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
22 JANUARI 2020 (RABU)

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
11 FEBRUARI 2020 (SELASA)  
JAM 3.30 PETANG

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG

**1. BILANGAN :**  
JKR / DOR / SRM 01 / 2020

**NAMA PROJEK :**  
**KERJA-KERJA PEMASAAN "THERMOPLASTIC ROAD LANE MARKING"**  
DI LEBUHRAYA-DI LEBUHRAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**YURAN TAWARAN :**  
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**E - DOKUMEN :**  
TIDAK ADA

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : V & VI SAHAJA KATEGORI : [KA01]

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
29 JANUARI 2020 (RABU)

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)  
JAM 3.30 PETANG

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
25 FEBRUARI 2020 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG

**2. BILANGAN :**  
JKR / DOR / SRM 03 / 2020

**NAMA PROJEK :**  
**KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN RAYA DI HIJAU BAIDURI, BUKIT KAYANGAN**

**YURAN TAWARAN :**  
BND100.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**E - DOKUMEN :**  
TIDAK ADA

**3. BILANGAN :**  
JKR / DOR / SCR 05 / 2020

**NAMA PROJEK :**  
**KERJA-KERJA MENAIKAN TARAF SISTEM SALIRAN DI PERSIMPANGAN JALAN GADONG - TELANAI, KG. BERIBI**

**YURAN TAWARAN :**  
BND100.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

**E - DOKUMEN :**  
TIDAK ADA



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JPt / TAW / 05 / 2019-2020 :  
PEMBEKALAN BENIH PADI  
HIBRID VARIETI  
SEMBADA188 BAGI PENANAMAN LUAR MUSIM 2020.  
(Yuran Tawaran : BND30.00)

TARIKH TUTUP TAWARAN

Selasa, 4 Februari 2020,  
tidak lewat dari  
jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**KATEGORI :** KA01 & P05 SAHAJA  
**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :**  
SELASA, 4 FEBRUARI 2020

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
SELASA, 18 FEBRUARI 2020  
TIDAK LEWAT DARI  
JAM 2.00 PETANG  
**BILANGAN TAWARAN :**  
JKR / DWS / 001 / 2020

**NAMA PROJEK :**  
KONTREK PENGGAL BAGI KERJA PEMELIHARA INSTRUMENT DI LOJI RAWATAN AIR DAERAH BRUNEI-MUARA, TUTONG DAN TEMBURONG (2020 - 2023)

**YURAN TAWARAN :**  
BND100.00  
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan / Pembekalan :  
**PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAAN KOMPUTER LAPTOP BAGI PEMANTAUAN DAN PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM**

Sebut Harga Bilangan :  
JKBD / 2020 / SH-05

Tarikh Tutup :  
RABU, 29 JANUARI 2020  
SEBELUM JAM 2.00 PETANG



OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KKBS / OBBD / F-004 (02-2020-2022)

KONTRAK PENGGAL (2) TAHUN (2020-2022) BAGI PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN MAKAN / MINUM (CATERING) UNTUK PEGAWAI, KAKITANGAN DAN PESERTA YANG MENGIKUTI PELBAGAI PROGRAM OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM (OBBD) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Tarikh Akhir Mengambil Borang :  
28 Januari 2020 (Selasa)

Tarikh Tutup Sebut Harga :  
30 Januari 2020, jam 2.00 Petang (Khamis)



JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI



TAWARAN JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

TAWARAN BILANGAN JDB / 01 / 2019

SEBUT HARGA PENYEWAAN BAS MULAI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020, TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DAN TAHUN KEWANGAN 2021 / 2022

Tarikh Tutup Tawaran  
Selasa, 28 Januari 2020 jam 2.00 Petang



JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran adalah dipelawa bagi :  
**'THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, WIRING, SETTING, CONFIGURATION, TESTING AND COMMISSIONING OF PAGING AUDIO SYSTEM TO ALL FLOORS AT BRUNEI DARUSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT B23 BUILDING IN ANGGEREK DESA'**

Bilangan Tawaran : JKBD / 2019 / SH-18

Tarikh Tutup : Rabu, 29 JANUARI 2020, sebelum jam 2.00 Petang





## Makanan warisan cerminan identiti

**G**OLONGAN muda masa kini perlu terus didedahkan dengan kuih serta masakan tradisional Negara kita termasuk cara penyediaannya agar warisan bangsa tidak luput ditelan arus kemajuan. pendedahan itu perlu dilakukan kerana pada masa kini, segelintir anak muda sudah tidak kenal kuih-muih tradisional di negeri ini. Apa Pendapat Biskita pada kali ini cuba mendapatkan pandangan dari beberapa orang ramai mengenai makanan tradisional kita.

"Terdapat sesetengah pelancong yang melawat negara kita semata-mata untuk menikmati keenakan dan keunikan makanan tradisional yang kaya dengan pelbagai resipi dan rempah ratus kerana itu adalah penting untuk masyarakat terus melestarikan makanan tradisional dalam kalangan generasi hari ini agar resipi tradisional tidak hilang ditelan zaman. Kita juga harus mendedahkan mengenai kepelbagaian juadah secara menyeluruh dan mengangkat tinggi resipi turun-temurun. Bahkan kita juga perlu mempelajari semula sejarah pembuatan sajian tradisional, mengkaji asal-usul dan memikirkan kaedah tepat untuk mengekalkan populariti hidangan warisan seiring perubahan zaman. Makanan warisan adalah budaya dan identiti bangsa. Kebanyakan generasi masa kini hanya didedahkan dengan kuih-muih moden serta kuih tradisional yang dibuat menggunakan cara moden, bukan menggunakan cara tradisional termasuk secara gotong-royong seperti amalan orang-orang lama. Kuih tradisional dan cara penyediaannya yang asli perlu terus didedahkan kepada golongan muda agar generasi masa depan berpeluang menikmati keenakannya serta dapat melihat keunikan pembuatan kuih tradisi turun-temurun. Jika tradisi ini dapat dikekalkan, ia mampu dijadikan daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negara sekali gus untuk melihat secara lebih dekat proses pembuatan kuih tradisional".

- Haqqil Nabillahuda Awang Damit, Mulaut.

"Pada pendapat saya, di mana saya melihat makanan warisan memerlukan kerjasama, penghayatan, pembelaan serta jati diri untuk terus berada di tempat yang sepatutnya dan dijulang masyarakat terutama anak muda. Kita tidak mahu mereka lebih mengenal makanan luar berbanding hidangan warisan sendiri. Inilah cabaran terbesar yang kita hadapi sekarang. Seperti yang kita lihat contoh negara jiran kita di mana seperti Thailand dan Indonesia, mereka menjadikan makanan tradisi sebagai hidangan yang benar-benar dihayati dan dijadikan sumber pendapatan di setiap pelosok negeri. Selain itu, kita memerlukan ramai pakar dalam mengembangkan makanan warisan. Kesinambungan pengetahuan dalam bidang ini amat perlu supaya tradisi yang ada tidak terhakis selama-lamanya. Pelbagai kelebihan yang boleh dituai sekiranya makanan terus dikenali bukan sahaja dari sudut sosioekonomi malah sosiobudaya. Gerakan menghargai makanan warisan mampu mengukuhkan identiti bangsa dan membentuk kesatuan rakyat di negara kita". - Siti Wardina Awang Sulaiman, BSB.

"Makanan tradisional dilihat makin pupus dan dilupakan generasi muda, ditambah kurangnya individu yang boleh membuat makanan tradisi itu. makmur, Kuih Bangkit, Sugi, Kuih Siput dan Gunting, Baulu Lapis, Agar-Agar Kering dan Halwa Maskat antara kuih raya tradisional yang semakin luput daripada lidah masyarakat Melayu. Hilang minat, tiada pendedahan awal mengenai makanan tradisional dan sikap lebih mengagungkan makanan luar dianggap penyumbang ke arah kepupusan sajian istimewa. Sajian tradisi ini kian hilang gara-gara peribadi masyarakat sendiri. Seiring dengan perkembangan dunia yang mendedahkan kita kepada dunia luar, membuatkan masyarakat lebih gemar mencuba makanan yang lebih mudah seperti 'Fastfood' dan juga jenis makanan Barat 'Western' yang berasal dari luar. Oleh itu, kita selaku ibu bapa seharusnya tidak terlalu membiarkan anak-anak kita hanyut dengan menu-menu makanan segera atau makanan luar, bahkan bawalah anak-anak kita sesekali untuk mencuba membiasakan lidah mereka kepada masakan dan makanan tradisional atau kampung dengan mempelbagaikannya agar ia menarik perhatian anak-anak kita yang banyak terdedah kepada pengaruh luar. Dengan cara sebegini sekurang-kurangnya anak-anak kita dapat mengenali pelbagai jenis masakan dan makanan tradisi kita di negara ini dan berbangga kerana negara kita mampu mempertahankan makanan tradisi kita". - Safawi Md. Zafari, BSB.

Tidak keterlaluan sekiranya saya selaku penulis ruangan ini melihat bahwa orang Melayu sendiri tidak berbangga dengan makanan warisan. Sebaiknya dalam budaya makanan, kita perlu mencontohi masyarakat Jepun yang sentiasa berbangga dan memperkasakan sajian warisan meskipun bergelar negara maju. Kita lebih mengagungkan makanan luar sehingga tidak mengetahui nama atau jenis makanan yang ada, sekali gus ia terus dilupakan. Saya melihat peranan ibu bapa penting dalam mendidik dan memperkenalkan makanan dan sajian tradisional Melayu kepada anak, bukan saja juadah sempena perayaan bahkan hidangan harian. Pengenalan awal ini mampu membuatkan generasi muda menghargai keunikan cita rasa dan selera warisan nenek moyang. Lebih menyediakan apabila kita membawa makanan tempatan ke luar negara, masyarakat luar lebih menghargai dan menikmati hidangan Melayu yang disifatkan eksotik berbanding rakyat tempatan. Penerimaan ini membuktikan sajian Melayu tradisional termasuk kuih dan biskut memiliki potensi untuk dibawa ke peringkat antarabangsa, cuma kita perlu lebih kreatif untuk memasarkannya.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Lestarikan Alam Sekitar Tanpa Beg Plastik
- ii. Kos Sarra Hidup Kesan Keadaan Rakyat



**mangampiti** bermaksud membagi atau memberi seseorang sebahagian daripada sesuatu seperti makanan atau tanah.

Contoh pemakaian kata :

- a. bapa **mangampiti** jua ia tanah, waima tia ia atau anak angkat.
- b. sangkut ia kan adinya atau, **mangampiti** tah jua ia makanan.

**mangandat** bermaksud

1. menyentuh atau mengenai pada sesuatu :

Contoh pemakaian kata : parau atau **mangandat** ka tiang, iatah lagur-lagur bunginya.

2. mendekati atau sampai pada waktunya.

Contoh pemakaian kata : **mangandat** ka subuh baru ia baranti mangaji.

**tahantak** bermaksud terduduk dengan tiba-tiba dan tidak sengaja.

Contoh pemakaian kata : kasian anak atau **tahantak** ia sabab tajunyak kulit pisang.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**



## KAMPUNG UJONG JALAN



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

## PUTERI MANDI / SANGGUL DAYANGKU

### BAHAN-BAHANNYA :

250gm tepung beras pulut  
1 cawan santan  
8 batang lidi (6 inci panjang)

Untuk salut :  
3 sudu besar gula  
1 1/2 cawan kelapa parut

### CARA-CARA MEMBUATNYA :

Untuk salut :  
Gaulkan kelapa parut dengan gula dan masukkan di atas api yang perlahan. Gaul hingga gula tersebut hancur.

Untuk membuat tepung :  
Masak air terlebih dahulu di dalam

belanga. Kemudian campurkan tepung dengan santan hingga menjadi doh. Setelah itu, bentuk doh menjadi bebola kecil hingga habis. Masukkan ke dalam air mendidih hingga doh tersebut timbul. Keluarkan doh dan toskan kemudian gaulkan dengan bahan salut. Cucuk 4 atau 5 biji bebola pada setiap batang lidi seterusnya bolehlah dihidangkan.

# Promosi makanan sihat wujud persekitaran kondusif



**AWANG** Mohammad Safwan bin Ismail (kiri) dan **Dayang** Majidah binti Haji Mohamad Najib (kanan) ketika ditemui Pelita Brunei.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Januari. - Program Pasar Raya Sihat yang dilancarkan baru-baru ini.

Menurutnya, usaha mempromosi pilihan makanan sihat dan mewujudkan persekitaran kondusif di pasar raya sememangnya mengambil masa juga memerlukan usaha yang dedikasi, mantap dan berterusan daripada kedua-dua belah pihak.

Sementara Awang Mohammad Safwan bin Ismail pula menjelaskan, *input* daripada pelanggan, sama ada mereka menggunakan bahan-bahan pendidikan kesihatan yang disediakan perlu diperiksa seperti

'label' dan 'peringatan mesra' untuk membeli makanan yang lebih sihat.

Dengan adanya label tersebut katanya, para pelanggan pasti akan melihat rak produk makanan terlebih dahulu sebelum mereka membeli produk makanan daripada rak berkenaan.

Beliau turut berharap, kepada yang terlibat dalam program itu akan terus berusaha dengan gigih agar program ini dikenalkan dan membawa hasil berkesan.

Pada masa yang sama, ia juga menggalakkan industri makanan dan pasar raya tempatan untuk menyokong tingkah laku perubahan amalan pemakanan sihat dengan membekalkan juga menyediakan produk makanan dan minuman alternatif atau produk makanan juga minuman yang diiktiraf sebagai pilihan lebih sihat.

Dengan adanya program seperti ini, ia diharap akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan orang ramai dan mendorong kecenderungan kepada pilihan makanan juga minuman berkhasiat dan lebih sihat.

Kementerian Kesihatan turut berharap program ini akan dapat diteruskan dan dilaratkan ke pasar raya-pasar raya lain di negara ini dalam melibatkan sektor bukan kesihatan, dalam langkah bersama untuk mengurangkan kadar penyakit tidak berjangkit di negara ini, sekali gus merealisasikan Visi Kementerian Kesihatan, iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan 'Wawasan Brunei 2035 : Kualiti Kehidupan yang Tinggi'.



**LABEL** kesihatan dipamerkan pada setiap makanan bagi pemilihan tepat setiap pembelian di pasar raya - pasar raya tempatan (atas dan bawah).



## Inisiatif beg guna semula semakin mendapat respons yang baik



**PENGGUNAAN** beg guna semula semakin mendapat respons yang baik.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 21 Januari. - Penggunaan beg guna semula bagi menggantikan penggunaan beg plastik yang telah diterapkan di kalangan orang ramai semakin mendapat respons yang baik.

Hari-hari tanpa beg plastik merupakan kesinambungan Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik yang telah memberikan tindak balas yang agak positif.

Ada juga gedung-gedung dan syarikat-syarikat perniagaan yang sama sekali tidak menyediakan beg plastik bagi melatih orang ramai untuk sentiasa menangani secara bersepadu tentang

kebersihan negara ini dari segala sampah dan kotoran.

Inisiatif tersebut adalah merupakan inisiatif yang diunggah oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) bagi mencapai matlamat meningkatkan kadar penggunaan konsep 3'R' (Reuse, Reduce, Recycle) ke arah pengurangan jumlah sisa buangan di negara ini sejak tahun 2011 lagi, yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dalam usaha untuk mengurangkan jumlah sisa buangan

tapak pelupusan, pada masa yang sama menyumbang kepada pengurangan jumlah pengeluaran sampah per kapita iaitu 1.4 kilogram (pengeluaran sisa pepejal yang tertinggi di rantau ini) ke satu kilogram per kapita menjelang tahun 2035.

Menurut beberapa orang awam yang ditemui Pelita Brunei, kebanyakan mereka bersetuju dengan penggunaan beg guna semula yang dipraktikkan sehingga ke hari ini.

Namun sesetengahnya berpendapat, jika sebelum ini, orang ramai tidak perlu mengeluarkan wang untuk membeli beg tetapi sekarang beg guna semula yang dijual di beberapa kedai atau gedung-gedung perniagaan dengan harga yang tidak sepatutnya.

Beg-beg guna semula ini jelas mereka dihasilkan akan dapat diberikan secara percuma pada setiap sekali pembelian bagi satu beg guna semula sementara selebihnya, membeli untuk beg guna semula yang kedua.

Inisiatif tanpa beg plastik ini juga akan melibatkan gedung-gedung dan syarikat-syarikat perniagaan di bawah senarai yang menyertai Inisiatif Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik, dan dilaratkan lagi kepada pengguna-pengguna beg plastik seperti kedai-kedai runcit, restoran dan gerai-gerai makanan di seluruh negara.

## DARI MAHKAMAH

### Dipenjara lapan bulan

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Januari. - Seorang lelaki tempatan, Kassim bin Haji Lamat, berusia 53 tahun, dijatuhan hukuman lapan bulan penjara oleh Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan, hari ini.

Tertuduh didapati melakukan tiga kesalahan curi, iaitu mencuri dua Islamic Ayat Frame juga pakaian di Jalan Junjongan, Kampung Lumapas pada petang Januari 2020.

Pada 16 Januari 2020, dia juga melakukan kesalahan mencuri pakaian di tempat yang sama, sekitar jam 10.30 pagi.

Tertuduh juga melakukan kesalahan yang sama, sekitar jam 3.30 petang dengan mencuri satu Kawai Keyboard, satu Elba Oven dan satu Lark Violin di Jalan Junjongan, Kampung Lumapas pada 17 Januari 2020.

Pendakwaan tertuduh dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah 'Adzimah Mukarramah binti Haji Salleh di bawah Seksyen 380, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

# WARGAMAS tingkat kualiti kehidupan golongan warga emas

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Isnin, 20 Januari. - Pertubuhan WARGAMAS mengalui-alukan golongan warga emas dari keempat-empat daerah bagi menyertai pertubuhan tersebut dan melibatkan diri dalam kegiatan yang dirancang, bagi tujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan golongan berkenaan.

Yang Di-Pertua WARGAMAS, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Kamaluddin berkata, pertubuhan berkenaan menyasarkan penyertaan seramai 2,000 orang ahli pada tahun ini.

"Pada masa ini, empat bulan selepas berjaya diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan-pertubuhan pada 24 Ogos 2019, WARGAMAS mempunyai seramai lebih 400 ahli berdaftar, di mana keanggotaan bagi ahli-ahli dibagikan kepada tiga taraf, iaitu Ahli Warga Emas bagi warga atau penduduk tetap negara ini, berumur 60 tahun ke atas; Ahli Bakal Warga Emas bagi mereka, berumur di antara 40 hingga 60 tahun; dan Ahli Bersekutu, iaitu penyertaan badan-badan bukan kerajaan atau yang ditubuhkan oleh agensi-agensi kerajaan," katanya ketika ditemui Pelita Brunei di Bangunan Ar-Rahmah, Jalan Utama Berakas, di sini.

Menurut beliau, penubuhan WARGAMAS ini adalah sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Hari Kebangsaan Kali Ke-35, Tahun 2019, di mana baginda bertitah menyeru agar kebajikan dan pemedulian terhadap warga emas jangan diabaikan kerana mereka itu lebih-lebih lagi memerlukan sokongan dan pemedulian.

Beliau berkata, antara matlamat pertubuhan ini adalah bagi melindungi kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas melalui Pelan Tindakan Warga Emas, termasuk keistimewaan lain, sama ada daripada pihak kerajaan atau swasta yang dapat memberikan kemudahan kepada golongan tersebut dari perspektif business model import-eksport WARGAMAS.

Di samping itu katanya, dengan berfalsafahkan import-eksport WARGAMAS, ahli-ahli pertubuhan ini juga melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, antaranya dalam menghulurkan bantuan-bantuan kepada ahli-ahli yang kurang

bernasib baik melalui Program Ganyang Kemiskinan dan Ganyang Pengangguran, di mana akan diterokai pada Kongres WARGAMAS 2020, yang dijadualkan berlangsung pada April ini.

Projek-projek itu jelas beliau, termasuk Projek Bantuan Mangsa Kebakaran Kampung Pengiran Bendahara Lama baru-baru ini sebagai sebahagian daripada pelaksanaan 'Hand-in-Hand Whole of Nation Approach'.

"Pertubuhan ini merancang beberapa kegiatan, termasuk dalam bentuk riadah, keagamaan, kesihatan dan ekonomi, antaranya dengan mengadakan Lawatan Muhibah selama dua hari pada hujung Januari ini ke Pusat Aktiviti Warga Emas Wilayah Persekutuan Labuan; Kursus CPR yang dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan; dan seperti mana tahun-tahun lalu, penyertaan dalam perbarisan pada Upacara Perhimpunan Agung sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Tahun 2020," jelas beliau.

Sementara itu katanya, WARGAMAS menjalankan Perkhidmatan Cuci Kereta CUCIKEMAS, terletak di Simpang 58, Jalan Utama Berakas, Kampung Serusop, Mukim Berakas.

"Projek kami seterusnya adalah untuk membuka perkhidmatan



YANG Di-Pertua WARGAMAS bergambar di hadapan Perkhidmatan Cuci Kereta CUCIKEMAS.

cuci kereta di setiap mukim, dan juga menjalankan perusahaan air botol mineral, produk fire fighter dan Eco Ark, iaitu projek penternakan ikan menggunakan teknologi terkini, bernilai jutaan ringgit," katanya.

Beliau berkata, pihak WARGAMAS bermatlamat untuk melibatkan diri dengan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) melalui program-program kerjasama WARGAMAS juga penyertaan aktif dalam MPMK berkenaan tersebut, termasuk dalam bidang ekonomi, kemasyarakatan, keagamaan dan kesihatan.

"WARGAMAS bermatlamat untuk bekerjasama dengan semua

agensi kerajaan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam pelaksanaan program pembangunan warga emas," katanya.

Misi WARGAMAS adalah untuk mendukung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan baginda dalam usaha membangun juga memajukan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Bagi warga emas yang berminat untuk menyertai Pertubuhan WARGAMAS, boleh menghubungi menerusi talian +673 8989393 atau +673 7227949 atau +673 8771142 atau +673 8667798 atau melayari Laman Sesawang [www.wargamas.com](http://www.wargamas.com).

## Kempen Derma Darah JPP, 22 Januari



**BLOOD DONATION**  
In conjunction with  
**WORLD POST DAY 2019**



POST OFFICE KUALA BELAIT | 22 JAN 2020  
10 AM - 2 PM

THE FIRST 50 DONORS ARE ELIGIBLE FOR A LUCKY DRAW

Siaran Akhbar dan Poster :  
Jabatan Perkhidmatan Pos

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan kerjasama Bahagian Tabung Simpanan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan akan mengendalikan Kempen Derma Darah sempena Hari Pos Sedunia Ke-145, Tahun 2019.

Orang ramai yang berkesudian untuk menderma darah adalah dialu-alukan datang pada Rabu, 22 Januari 2020, bermula pada jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang, bertempat di Pejabat Pos Mumong, Kuala Belait.

Antara tujuan projek berkenaan adalah untuk membantu menambah Tabungan Simpanan Darah Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan.

Bagi keterangan lanjut, bolehlah menghubungi menerusi talian +673 2380481.

## Bantu kesan Sohel

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei ingin meminta bantuan orang ramai untuk mengesan seorang lelaki, warganegara Bangladesh, bernama Sohel, pemegang nombor pasport BF020315, bagi membantu siasatan di Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, orang ramai boleh menghubungi ke Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 496 / 333 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau ke Balai-balai Polis berdekatan atau



WARGANEGERA Bangladesh, bernama Sohel, pemegang nombor pasport BF020315.

ke Laman Sesawang [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn) atau Instagram @upa.ppdbs.

# Kekalkan kebersihan Kampong Ayer



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad dan Jabatan Penerangan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 21 Januari. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) merancang akan melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengekalkan kebersihan Kampong Ayer daripada sampah antaranya program kesedaran awam secara menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak agensi, *stakeholders* dan penduduk Kampong Ayer khususnya dalam sama-sama memelihara persekitaran di Kampong Ayer sentiasa bersih.

Selain itu, JASTRe juga akan memperluaskan kawasan pembersihan sampah di kawasan bakut, bawah rumah dan tebing-tebing Sungai Brunei serta mengenal pasti dan menilai kaedah serta teknologi terkini yang lebih inovatif, kos efektif dan efisien dalam melaksanakan perkhidmatan kutipan sampah di Sungai Brunei.

Pegawai Alam Sekitar, Awang Mohammad Ramzan bin Rahman semasa ditemui seterusnya berkata, tiga kaedah kerja-kerja

pembersihan bagi memastikan Sungai Brunei dalam keadaan bersih iaitu kerja-kerja pengutipan dan pembuangan sampah di bawah rumah dan kawasan bakut.

Selain itu, katanya, kerja-kerja pengutipan dan pembuangan sampah yang terapung di atas permukaan air serta pembekalan perangkap sampah (*trapping booms*) di tempat-tempat strategik seperti laluan sungai dan longkang utama bagi memerangkap sampah daripada memasuki ke Sungai Brunei.

Kemudahan pembuangan sampah yang telah disediakan oleh pihak jabatan adalah perkhidmatan kerja-kerja pengutipan sampah rumah di seluruh Kampong Ayer bagi memastikan orang awam khususnya penduduk Kampong Ayer untuk tidak membuat sampah ke Sungai Brunei.

Sehubungan itu, katanya, tapak pengumpulan sampah Ayer Berkunci di Kampung Kasat juga salah satu kemudahan orang awam dan penduduk di Kampong Ayer untuk membuat sampah.

Awang Mohammad Ramzan juga menekankan, pihak JASTRe menyarankan orang ramai termasuk penduduk Kampong Ayer untuk sentiasa menghargai kemudahan dan perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dengan menggunakan dan menjaga aset kerajaan dengan

betul serta selamat dalam sama-sama memastikan Sungai Brunei sentiasa dalam keadaan bersih.

Masyarakat juga ditekankan agar sentiasa menjaga kebersihan kawasan persekitaran masing-masing dengan menyediakan tong-tong sampah yang mencukupi bagi menampung sampah di kawasan berkenaan.

Pihak JASTRe juga menasihatkan agar pengurusan kutipan dan pembuangan sampah yang lebih teratur dan terurus dengan melanggani perkhidmatan kutipan sampah yang berdaftar.

**PEGAWAI** Alam Sekitar, Awang Mohammad Ramzan bin Rahman.



**PASTIKAN** persekitaran di Kampong Ayer sentiasa bersih daripada sampah (atas kiri dan kanan).

## MINDA PEMBACA

## Kepentingan amalan minum air

**S**ERING KALI kita terdengar akan nasihat dan saranan untuk meminum air putih sekurang-kurangnya lapan gelas setiap hari. Namun begitu, ramai yang terlepas pandang akan kepentingan dalam amalan meminum air putih. Terdapat sesetengah orang yang mungkin terlalu sibuk dengan pekerjaan dan aktiviti sehari-hari sehingga kurang minum air putih. Tidak dinafikan juga bahawa ada segelintir orang yang lebih gemar meminum minuman manis atau minuman bergula. Perbuatan tidak menitikberatkan pengambilan air yang secukupnya dalam kehidupan sehari-hari mampu menimbulkan pelbagai masalah pada kesihatan tubuh badan. Oleh sebab itu, kita perlu mengambil tahu tentang

pentingnya perbuatan minum air putih sebagai amalan harian.

Antara kepentingan amalan minum air putih ialah untuk membekalkan tenaga. Dalam melakukan pekerjaan sehari-hari seperti berjalan dan bersenam, tubuh kita banyak menghilangkan cecair terutamanya daripada peluh. Kekurangan air akan menyebabkan badan kita untuk menjadi lemah dan penat serta menjelaskan tahap kecerdasan fizikal. Dengan pengambilan air yang mencukupi, badan kita akan dapat berfungsi pada tahap yang jauh lebih baik.

Air putih juga dipercayai dapat membantu sistem pencernaan. Ini kerana badan kita memerlukan kadar air yang cukup untuk menghadamkan

dan mencerna dengan elok. Masalah sembelit juga boleh timbul kerana adanya masalah pada pergerakan usus yang boleh menyukarkan najis untuk keluar.

Apabila dibandingkan dengan air bergula, air putih merupakan pilihan yang nyata lebih sihat kerana tidak mengandungi sebarang kalori. Justeru itu, minum air putih secukupnya dapat mempercepatkan proses penurunan berat badan. Air juga boleh meningkatkan kadar metabolisme badan yang berguna dalam pembakaran kalori.

Demikianlah antara kepentingan dalam amalan meminum air. Andai kata kita ingin meminum air, jangan pula kita tinggalkan adab ketika minum seperti

yang telah dianjurkan oleh Rasulullah. Sebagai contoh, jadikan satu tabiat dan kebiasaan untuk mengangkat cawan dengan tangan kanan apabila hendak minum. Seterusnya, perbuatan minum adalah lebih baik dibuat dengan duduk dan bukan dalam keadaan berdiri.

Kesimpulannya, kepentingan dan kebaikan amalan minum air putih untuk kesihatan badan adalah satu perkara yang tidak dapat dinafikan. Meminum air putih secukupnya merupakan satu perkara mudah yang sepatutnya dilakukan secara konsisten sejak dengan keperluan tubuh badan dalam kehidupan sehari-hari kita.

**Nama :** Insan Alif bin Muhammad Hasif  
**No K/P :** 01-117597 (K)

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bersama Memperkasa Belia Negara'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2020
2. 'Manfaatkan Ledakan Revolusi Industri 4.0'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2020
3. 'Langkah Memupuk Semangat Nasionalisme'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2020

### Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** kata perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui  
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI, Rabu, 20 January, 1960.

MUKA 3

## PERSEKUTUAN DUKONG LIMA KEPENTINGAN AHLI2 DASAR UNTOK

DENGAN bergerak perlahan2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang di-tubohkan untuk menjaga kepentingan ahli2nya itu sekarang ini mendukung 3 dasar besar dalam rancangan perkembangan persekutuan tersebut.

Kerana kepentingan ahli2 Persekutuan itu telah membuktikan :

- ◆ Sharikat kerjasama dan bantu membantu,
- ◆ Iktesad guru2,
- ◆ Derma suka dan duka,
- ◆ Rancangan 3 tahun untuk membina rumah persekutuan.

Persekutuan itu telah ditubuhkan 20 tahun dahulu sa-telah berjalan sa-chara perhubungan hampir dua tahun lama-nya. Pendaftaran-nya telah di-luluskan dalam tahun 1939.

### BERANSOR2 MAJU

Mengikut kenyataan setiausaha penerangan, Inche Sabtu bin Muhammed :

"Semenjak persekutuan ini di-tubohkan, perjalanan-nya dari sa-masa ka-samasa beransor2 maju, demikian juga ahli2nya bertambah2 dari sa-tahun ka-satuhan."

"Ahli2nya hanya-lah terdiri dari guru2 Melayu sahaja."

Persekutuan Guru2 Melayu Brunei itu ia-lah sa-buah persekutuan yang tertua di-Negeri Brunei dan telah di-anjorkan

oleh sa-bahagian kecil guru2 Melayu di-Bandar Brunei.

Tetapi pada hari ini bilangan ahli2nya berjumlah 379 orang laki2 dan perempuan ia-itu semua guru2 Melayu di-Brunei ada-lah ahli persekutuan.

Kerana menjaga kebajikan ahli2 untuk membaiki nasib guru2 baik dalam lapangan pendidekan mahu pun lapangan penghidupan persekutuan itu telah menempoh bermacam2 perubahan.

Dalam menempoh perubahan2 itu pengalaman pahit getir telah di-harungi dalam pemerentahan Jepun.

### MARA KA-HADAPAN

"Dunia telah mulai bertukar chorak dari aman kapada peperangan. Semenjak tahun 1939 lagi kenchah api perang telah mula bernyala dan dalam tahun 1941 api peperangan pun sampai-lah ka-Negeri Brunei," kata Inche Sabtu.

Berikut dengan pendudukan Tentera Jepun di-negeri ini persekutuan itu telah terpaksa memberhentikan perjalanan-nya.

Persekutuan itu telah dihidupkan sa-mula dalam tahun 1946.

Dari tahun itu PGGMB telah mengikut jejak langkah-nya yang asal serta mengadakan berbagai2 perubahan.

Sharikat kerjasama dan bantu membantu telah di-tubohkan da-

lam tahun 1952. Penubohan sharikat itu ada-lah satu dari dasar2 persekutuan untuk membaiki nasib ahli2nya dengan menyenangkan mereka menyimpan sa-bahagian kecil dari wang pendapatan tiap2 bulan.

Dari wang simpanan itu pula ahli2 ada-lah di-benarkan meminjam kerana membeli perkakas2, harta2 kekal dan lain2 sa-perlukan tanah, membuat rumah dan membeli binatang ternakan.

Pinjaman itu di-kenakan sharat2 yang tertentu dan dijelaskan dengan bayaran beransor2 tiap2 bulan dengan tidak mengurangkan yuran simpanan yang telah di-akui oleh ahli2 itu.

Dua tahun kemudian sa-langkah lagi persekutuan telah mula ka-hadapan untuk mendapatkan kemajuan. Dalam tahun itu iktesad guru2 pula di-lancharkan.

Iktesad itu ia-lah sa-buah badan yang menjual barang2 keperluan hari2 yang di-sifikirkan baik di-gunakan oleh ahli2 pada sa-bilang masa. Perkembangan dan kejayaan iktesad itu telah terbukti dalam sadikit masa sa-haja.

### BERKAT KETABAHAN

Dengan mengeluarkan shersambil menjual barang2 keperluan hari iktesad itu yang mula-nya menyewa sa-bahagian kecil dari ruangan sa-buah kedai telah dapat membeli sa-pintu kedai di-Jalan Chevalier, Bandar Brunei.

Kejayaan ini ada-lah di-dapat dengan berkat ketabahan ahli2, ia-itu guru2 yang sentiasa bekerjasama untuk memajukan kedai iktesad mereka.

Dalam tahun sharikat kerjasama persekutuan itu di-tubohkan persekutuan itu telah juga menubohkan derma suka duka.

Tabong derma ini di-adakan untuk memberi bantuan kapada ahli2 dengan sa-chepat mungkin

\* \* \*

Ahli2 jawatan kuasa bergambar ramai sa-telah mengadakan mesuarat agong-nya baharu2 ini. Bawah (kiri): Sahara Ahmad, sa-orang murid dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah telah menunjukkan satu tarian Melayu dan (kanan): penuntun2 pada malam itu.



apabila mereka itu menghadap sa-suatu kejadian yang tidak disangka2.

Penubohan derma itu telah di-gerakkan oleh pepatah: "Malang tidak berbau, nasib tidak dapat di-raeh."

Faedah derma itu sangat besar. Sa-lain dari menolong tumpang bersuka pada masa perkahwinan, mithal-nya, derma itu merangkan beban ahli2 dalam keduakan mereka.

Antara rancangan2 yang belum memberi bukti ia-lah derma pelajaran anak guru2 sungguh pun derma itu telah berjalan semenjak tahun 1950 untuk memberi bantuan kapada anak guru2 meninggikan pelajaran mereka.

Wang derma itu terkumpul dari yuran yang di-kenakan kepada ahli2 mengikut tingkatan gaji masing2. Keadaan kumpulan derma itu belum lagi dapat menjamin kedudukan pelajar2.

Sa-baik sahaja kedudukan kumpulan derma mengizinkan persekutuan akan menghulorkan derma pelajaran tinggi itu kepada anak guru2 yang layak mendapat dermasiswa tersebut.

Rancangan lima tahun persekutuan kerana membina sa-buah bangunan telah di-lancharkan dalam tahun 1957. Persekutuan berharap bahawa ia akan mempunyai sa-buah bangunan-nya sendiri dalam masa dua tahun lagi.

### ULANG TAHU KE-20

Untuk menyambut hari ulang tahun ke-20 penubohan persekutuan, guru2 Melayu Brunei telah mengadakan satu temasha di-Dewan Civic Centre dalam bulan lepas.

Dalam temasha yang berlangsung sa-lama tiga malam itu guru2 telah mengadakan:

- ◆ Malam aneka warna,
- ◆ Majlis makan kecil, dan
- ◆ Majlis cheramah.

Malam aneka warna yang berchorak kebudayaan itu telah disulam dengan berbagai2 tarian, lawak jenaka dan persembahan adat istiadat Brunei.

Hampir 500 orang telah di-jemput ka-majlis makan kecil yang di-adakan pada malam keesokan-nya.

Temasha itu telah di-tamatkan dengan satu majlis cheramah yang di-dalamnya beberapa orang pembesar negeri telah memberi serba sadikit pandangan dan pendapat mereka.

Bagi tahun ini persekutuan itu di-pimpin oleh :

Inche Othman bin Bidin, Yang di-Pertua, Pengiran Momin bin Pengiran Othman, Naib Yang di-Pertua, Inche Umar bin Mohammad, Setiausaha Inche Daud bin Serudin, Bendahari dan Inche Nordin bin Latif, Pengurus Tetap.



# Lawatan ke People's Daily

Rencana dan Foto : Haniza Abdul Latif

**P**ADA 14 hingga 24 Disember 2019, penulis menyertai Bengkel Media Asia dan Forum Kerjasama Media 2019 di Chengdu dan Beijing, Republik Rakyat China yang dianjurkan oleh kumpulan media terbesar China, People's Daily. Semasa bengkel tersebut, penulis dan para peserta bengkel dibawa melawat ke beberapa tempat menarik.

Salah satu tempat yang dimaksudkan ialah lawatan ke People's Daily yang merupakan akhbar rasmi Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China (Central Committee of the Communist Party of China) dan diterbitkan di seluruh dunia

dengan jumlah edaran sebanyak tiga juta naskhah. Selain diterbitkan dalam bahasa utama iaitu bahasa Cina, People's Daily juga diterbitkan dalam bahasa Inggeris, Sepanyol, Jepun, Perancis, Rusia, Portugis, Arab, Tibet, Kazakh, Uyghur, Zhuang, Mongolia, dan bahasa minoriti lain di China. Akhbar ini menyediakan maklumat langsung mengenai dasar dan pandangan Parti tersebut.

Ditubuhkan pada 15 Jun 1948 dengan penerbitan di Pingshan, Hebei, ibu pejabat People's Daily dipindahkan ke Beijing pada

bulan Mac 1949. Sejak penubuhannya, People's Daily berada di bawah kawalan kepimpinan tertinggi parti.

Pada tahun 1997, The People's Daily melancarkan People's Daily Online secara harian termasuk halaman dalam bahasa Arab, Perancis, Rusia, Sepanyol, Jepun dan Inggeris. Berbanding dengan versi asal bahasa Cina, versi bahasa asing menawarkan perbincangan dasar dan hal ehwal dalam negeri yang kurang mendalam dan lebih banyak editorial mengenai dasar dan motif asing China, yang sering menjelaskan niat positif China.

Putus Media Baharu People's Daily pula ditubuhkan pada 8 Oktober 2015 yang mana produk utama bagi pusat berkenaan ialah aplikasi rasmi People's Daily dan aplikasi Weibo rasmi serta akaun media sosial

WeChat.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, People's Daily memperluaskan publisitinya di platform media sosial luar negara dengan mempunyai puluhan juta pengikut di media sosial.

Antara persian di laman sesawang People's Daily dalam versi Inggeris iaitu <http://en.people.cn/> termasuk berita-berita utama, berita perniagaan, pendapat, budaya, gambar-gambar dan bermacam-macam lagi. Selain itu, video-video yang trending di China dan live video juga dimuat naik ke laman sesawang tersebut.

Bilangan pengguna yang mengikuti akaun-akaun media sosial yang dikendalikan oleh People's Daily Online melebihi 50 juta pengguna iaitu akaun Facebook People's Daily mempunyai lebih 44.4 juta pengikut, manakala bagi akaun Twitter pula mempunyai lebih dari 4.8 juta pengikut. Jumlah ini juga meningkat setiap hari.

People's Daily Online juga terlibat dalam kerjasama yang luas dengan media-media asing, dan telah menubuhkan perkongsian dengan lebih daripada 80 organisasi media luar negara. Kerjasama mereka meliputi pertukaran berita, kerjasama dalam pangkalan data, pembinaan saluran dan bahagian bersama untuk menghasilkan dan menyebarkan program-program televisyen. Selain itu, anak-anak syarikat People's Daily Online di luar negara juga menganjurkan aktiviti-aktiviti ekonomi, teknologi dan budaya untuk membolehkan perhubungan dan kerjasama antara China dan negara-negara asing.



# Yangon United FC tiba



PERSATUAN Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) ketika mengalu-alukan kedatangan Yangon United FC yang tiba ke Negara Brunei Darussalam bagi saingan pusingan kelayakan pertama, Piala AFC 2020.

**Siaran Akhbar dan Foto :**

**Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 20 Januari. - Selaku sebuah organisasi yang cekap dan berkesan dalam menyediakan sumber, perancangan dan

pelaksanaan aktiviti bola sepak di Negara Brunei Darussalam sama ada di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan

Negara Brunei Darussalam (NFABD) turut berperanan penting dalam mengawal selia aktiviti permainan bola sepak dan semua aspek yang berkaitan dengannya.

Sehubungan dengan itu, NFABD telah mengalu-alukan kedatangan pasukan dari negara Myanmar iaitu Yangon United FC yang telah selamat sampai ke Negara Brunei Darussalam

baru-baru ini.

Yangon United FC terdiri daripada 18 pemain dan diiringi oleh 10 pegawai di mana pasukan ini akan berlawan dengan pasukan dari Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada pemain nndera SC. Perlawanan tersebut berlangsung pada 22 Januari 2020 di Stadium Negara Hassanal

Bolkiah, Berakas.

Mengalu-alukan kedatangan pasukan dari Myanmar itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Ahli Exco NFABD, Awang Bujang Haji Japar dan AJK Teknikal, Awang Haji Faizan serta pegawai-pegawai NFABD dan pegawai-pegawai dari Indera SC.

**Berbelanja  
Bijak&Berhemat  
dengan aplikasi**  
**PenggunaBijak**  
*SmartConsumer*



Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barangan harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskaun melalui PenggunaBijak .**

**PenggunaBijak  
SmartConsumer**

**HUBUNGI KAMI:**

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Bilik 2A3:06, Aras 03, West Wing,  
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB, BA1311,  
Negara Brunei Darussalam.  
Tel : +673 2230223 (Waktu Pejabat)

**Menyediakan pelbagai fungsi:**

**PENETAPAN HARGA MAKSIMA**

Senarai barang yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.

**PERBANDINGAN HARGA**

Perbandingan harga barangan keperluan harian terpilih.

**MEMBUAT ADUAN**

Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barang yang dikawal harga.

**JUALAN & POTONGAN DISKAUN**

Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

**PELINDUNGAN PENGGUNA**

Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

# Sukan

## INFO SUKAN

DEWAN Bahasa dan Pustaka 'B' muncul juara bagi Kategori Terbuka pada Kejohanan Futsal Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Tahun 2020 setelah menewaskan Jabatan Pembangunan Masyarakat yang diadakan baru-baru ini.



**Indera SC  
(Brunei Darussalam)**



AFC  
CUP  
2020



**Yangon United FC  
(Myanmar)**

Zon	Peringkat	Tarikh Perlawanan	No. Perlawanan	Perlawanan		
ASEAN	Permainan	Rabu, 22 Januari 2020	S-PO2 (Perlawanan Pertama)	Indera SC (Bru)	lawan	Yangon United FC (Mya)
		Rabu, 29 Januari 2020	S-PO2 (Perlawanan Kedua)	Yangon United FC (Mya)	lawan	Indera SC (Bru)

**SIDANG media yang diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.**

## Indera SC sedia beraksi!

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Selasa, 21 Januari.- Indera SC buat julung-julung kalinya bakal berentap di peringkat antarabangsa menentang Yangon United FC dari Myanmar pada pusingan kelayakan pertama, Piala AFC 2020.

Ketua Jurulatih Indera SC, Awang Haji Ameer Aziz-Hakim bin Haji Abdul Lani berkata, kesemua pemain dan pihak pengurusan Indera SC berharap untuk melayakkkan diri ke pusingan seterusnya dalam Piala AFC 2020.

Menjelang perlawanan sulungnya menentang Yangon United FC esok malam di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Awang Haji Ameer Aziz-Hakim menjelaskan, para pemain Indera SC dan seluruh pasukan telah mengadakan latihan yang intensif bagi menguatkan tahap fizikal serta teknikal pasukannya selain mempersiapkan ketahanan mental bagi para pemain.

"Allhamdulillah kami bekerja dengan cukup keras dan berharap para pemain akan dapat memberikan seratus peratus atau lebih pada perlawanan esok hari," ujar beliau lagi semasa sidang media yang berlangsung petang tadi di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Ketua Jurulatih Indera SC seterusnya menyeru para penyokong bola sepak tempatan untuk sama-sama hadir bagi menunjukkan sokongan bagi perlawanan tersebut dan mendoakan kejayaan Indera SC.

Manakala, Ketua Jurulatih Yangon United FC, U Tin Maung Tun pada sidang media tersebut turut menjelaskan pasukannya tidak akan memandang rendah terhadap Indera SC meskipun Indera SC pasukan yang baru mengikuti Piala AFC kerana dalam permainan bola sepak, apa pun boleh terjadi.

Pasukan Yangon United FC akan berusaha untuk mempamerkan permainan yang baik bagi perlawanan penting esok ketika menentang Indera SC, jelas beliau lagi.

## MOE, MOH ungguli tangga teratas

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafileh Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 20 Januari. - Pasukan-pasukan Bola Jaring Kementerian Pendidikan (MOE) dan Kementerian Kesihatan (MOH), masing-masing mengekalkan kedudukan teratas dalam Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B' pada Kejohanan Bola Jaring Di Antara Kementerian-kementerian Kali Ke-26 sempena Hari Perkhidmatan Awam, Tahun 2019.

Pada perlawanan yang berlangsung kelmarin, di Gelanggang 'B', Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, di sini, pasukan MOE beraksi cemerlang, apabila menumpaskan pasukan Kementerian Pembangunan (MOD), 39 - 16 jaringan.

Pasukan Bola Jaring Jabatan Perdana Menteri (JPM) juga beroleh kemenangan setelah mengalahkan pasukan Kementerian Pertahanan (MINDEF), dengan jaringan, 27 - 24, manakala pasukan Bola Jaring Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menumpaskan pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), dengan jaringan, 32 - 27.

Sementara itu, pada perlawanan dalam Kumpulan 'B' di Gelanggang 'A', Pasukan Bola Jaring Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berjaya mengatasi pasukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), dengan jaringan, 40 - 21.

Dalam perlawanan di antara Pasukan Bola Jaring

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan pasukan MOH pula, pasukan MTIC terpaksa akur dengan kehebatan pemain-pemain pasukan MOH, setelah tewas dengan jaringan, 6 - 48, sekali gus memberikan mata kemenangan penuh kepada pasukan MOH.

Pada sebelah petang kejohanan tersebut, di Gelanggang 'B', menyaksikan Pasukan Bola Jaring MOE meneruskan rekod tanpa kalah setelah berjaya mengalahkan pasukan JPM, dengan jaringan, 30 - 12, manakala Pasukan Bola Jaring MOD menewaskan pasukan KHEU, dengan jaringan, 34 - 20.

Sementara itu, Pasukan Bola Jaring KKBS berjaya mengatasi pasukan MINDEF, dengan jaringan, 33 - 16.

Pada perlawanan dalam Kumpulan 'B' di Gelanggang 'A', menyaksikan Pasukan Bola Jaring Kementerian Kewangan dan Ekonomi menewaskan pasukan KHEDN, dengan jaringan, 27 - 21, manakala pasukan MOH menang bergaya, dengan jaringan, 37 - 15 setelah mengalahkan pasukan KHELN.

Perlawanan seterusnya akan diadakan pada Jumaat, 31 Januari 2020 di tempat yang sama.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan kejohanan tersebut bagi memberikan sokongan kepada pasukan yang bertanding.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**BERIKAN SEMANGAT JUANG TINGGI, TUNJUKKAN PRESTASI TERBAIK**

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam